BIL	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	PEGAWAI LAIN ADA HUBUNGAN / DIRUJUK	UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA
1.	PA/PSH	Memastikan mesin faks sentiasa dalam keadaan baik dan dihidupkan setiap hari bekerja.		
2.	PA/PSH	Memastikan bekalan toner dan kertas mesin faks sentiasa mencukupi.		
3.	PA/PSH	Menukar 'cartridge' mesin faks apabila habis.		

CARTA ALIR

k. Pengemaskinian rekod penggunaan faks



SENARAI SEMAK

k. Pengemaskinian rekod penggunaan faks

BIL	TINDAKAN	TANDA (/)	CATATAN
1.	Memastikan mesin faks sentiasa dalam keadaan baik dan dihidupkan setiap hari bekerja.		
2.	Memastikan bekalan toner dan kertas mesin faks sentiasa mencukupi.		
3.	Menukar 'cartridge' mesin faks apabila habis.		

PROSES KERJA

I. Pengemaskinian rekod penggunaan telefon

BIL	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	PEGAWAI LAIN ADA HUBUNGAN / DIRUJUK	UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA
1.	PA/ PSH	Memuat turun dan mencetak penggunaan telefon setiap 1hb setiap bulan.		
2.	PA/ PSH	Membuat salinan bil telefon dan menghantar salinan asal ke ibu pejabat untuk tujuan rekod dan urusan pembayaran.		
3.	KPSU(L)/PA/ PSH	Mengemukakan bil untuk makluman.		
4.	PA/ PSH	Mengemaskini rekod bil telefon ke dalam fail.		
5.	PA/ PSH	Memastikan salinan bil telefon untuk setiap bulan ada dalam fail dan sekiranya tiada, perlu mendapatkan salinan dari pihak Telekom.		

CARTA ALIR

I. Pengemaskinian rekod penggunaan telefon



SENARAI SEMAK

I. Pengemaskinian rekod penggunaan telefon

BIL	TINDAKAN	TANDA (/)	CATATAN
1.	Memuat turun dan mencetak penggunaan telefon setiap 1hb setiap bulan.		
2.	Membuat salinan bil telefon dan menghantar salinan asal ke ibu pejabat untuk tujuan rekod dan urusan pembayaran.		
3.	Mengemukakan bil untuk makluman.		
4.	Mengemaskini rekod bil telefon ke dalam fail.		
5.	Memastikan salinan bil telefon untuk setiap bulan ada dalam fail dan sekiranya tiada, perlu mendapatkan salinan dari pihak Telekom.		

PROSES KERJA

n. Permohonan keluar waktu bekerja

BIL	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	PEGAWAI LAIN ADA HUBUNGAN / DIRUJUK	UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA
1.	PA/PSH	Mengisi borang dalam sistem e-keluar pejabat atau borang PPNS 3/2022 (bagi Kakitangan PSH yang belum ada rekod SM2)		
2.	AL/PA/PSH	Mendapat kebenaran dari Ketua Unit masing-masing.		
3.	PA/PSH	Sekiranya tujuan keluar adalah ke klinik, pastikan pemohon mempunyai '*Time Slip*' dari klinik yang berkenaan.		
4.	PA/PSH	Memastikan borang dan '*Time Slip*' disimpan dalam fail peribadi pemohon.		

CARTA ALIR

n. Permohonan keluar waktu bekerja



SENARAI SEMAK

n. Permohonan keluar waktu bekerja

BIL	TINDAKAN	TANDA (/)	CATATAN
1.	Mengisi borang dalam sistem e-keluar pejabat atau borang PPNS 3/2022 (bagi Kakitangan PSH yang belum ada rekod SM2)		
2.	Mendapat kebenaran dari Ketua Unit masing-masing.		
3.	Sekiranya tujuan keluar adalah ke klinik, pastikan pemohon mempunyai *'Time Slip'* dari klinik yang berkenaan.		
4.	Memastikan borang dan *'Time Slip'* disimpan dalam fail peribadi pemohon.		

PROSES KERJA

AKTIVITI 2

Membantu menyelaras urusan berkaitan Pekerja Sambilan Harian (PSH)

a. Pengemaskinian rekod Permohonan cuti

BIL	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	PEGAWAI LAIN ADA HUBUNGAN / DIRUJUK	UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA
1.	KPSU(L) /PA/PSH	Mengisi borang dalam sistem e-Cuti atau borang KKT&P.1.A (bagi Kakitangan PSH yang belum ada rekod SM2)		
2.	KPSU(L)/PPP	Borang diproses untuk semakan baki cuti tahunan dan kelulusan		
3.	PA/PSH	Membuat salinan borang permohonan untuk rujukan pejabat		
4.	PA/PSH	Menghantar borang asal kepada Bahagian Pentadbiran Ibu Pejabat untuk tindakan.		
5.	PA/PSH	Mencatat rekod di papan putih makluman		
6.	PA/PSH	Pengemaskinian rekod dalam fail		

CARTA ALIR

a. Pengemaskinian rekod Permohonan cuti



SENARAI SEMAK

a. Pengemaskinian rekod Permohonan cuti

BIL	TINDAKAN	TANDA (/)	CATATAN
1.	Mengisi borang dalam sistem e-Cuti atau borang KKT&P.1.A (bagi Kakitangan PSH yang belum ada rekod SM2)		
2.	Borang diproses untuk semakan baki cuti tahunan dan kelulusan		
3.	Membuat salinan borang permohonan untuk rujukan pejabat		
4.	Menghantar borang asal kepada Bahagian Pentadbiran Ibu Pejabat untuk tindakan.		
5.	Mencatat rekod di papan putih makluman		
6.	Pengemaskinian rekod dalam fail		

PROSES KERJA

b. Pengemaskinian rekod kerja luar daerah

BIL	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	PEGAWAI LAIN ADA HUBUNGAN / DIRUJUK	UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA
1.	KPSU(L)	Mengeluarkana arahan untuk menjalankan kerja luar daerah.		
2.	PSU(L)/AL/PAL/ PP/PSH	Mengisi Borang 1. KKTP/BP/01/2021 Permohonan Kelulusan Keluar Daerah 2. KKTP/BP/02/2021 Permohonan Perkhidmatan Kenderaan dan 3. KKTP/BP/03/2021 Permohonan Perjalanan Udara dengan melampirkan Surat Arahan / Jadual Perjalanan.		
3.	PA/PSH/CC	Mengemukakan Borang ke Bahagian Akaun untuk komen baki peruntukan dan Bahagian Pentadbiran untuk maklumat Kenderaan serta kepada Ketua Jabatan untuk Keputusan Permohanan melalui penghantaran tangan.		
4.	PA/PSH	Mendapatkan salinan borang yang telah disahkan oleh ketua Jabatan untuk rekod fail.		
5.	PA/PSH	Pengemaskinian rekod dalam fail		

CARTA ALIR

b. Pengemaskinian rekod kerja luar daerah



SENARAI SEMAK

b. Pengemaskinian rekod kerja luar daerah

BIL	TINDAKAN	TANDA (/)	CATATAN
1.	Mengeluarkana arahan untuk menjalankan kerja luar daerah.		
2.	Mengisi Borang 4. KKTP/BP/01/2021 Permohonan Kelulusan Keluar Daerah 5. KKTP/BP/02/2021 Permohonan Perkhidmatan Kenderaan dan KKTP/BP/03/2021 Permohonan Perjalanan Udara dengan melampirkan Surat Arahan / Jadual Perjalanan.		
3.	Mengemukakan Borang ke Bahagian Akaun untuk komen baki peruntukan dan Bahagian Pentadbiran untuk maklumat Kenderaan serta kepada Ketua Jabatan untuk Keputusan Permohanan melalui penghantaran tangan.		
4.	Mendapatkan salinan borang yang telah disahkan oleh ketua Jabatan untuk rekod fail.		
5.	Merekod dalam sistem E-Jari.		
6.	Pengemaskinian rekod dalam fail		

PROSES KERJA

c. Pengemaskinian rekod bekerja lebih masa

BIL	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	PEGAWAI LAIN ADA HUBUNGAN / DIRUJUK	UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA
1.	PA/PSH	Isi Borang Sektor Landskap dan Kelestarian R / ADMIN / 005 (Borang Permohonan Bekerja Semasa Cuti Bagi Pekerja Sambilan Harian).		
2.	LA/PA/PSH	Mengemukakan jadual cadangan bekerja lebih masa serta justifikasi.		
3.	TP/KPP/PA/ PSH	Mendapat kelulusan untuk tujuan pembayaran upah dan memo arahan dikeluarkan.		
4.	LA/PSH	Bekerja pada hari dipohon.		
5.	LA/PSH	Pengesahan perlaksanaan tugasan setelah tugasan yang dilakukan selesai pada hari bekerja berikutnya.		
6.	PPP/PA/PSH	Direkod pada sistem E-Jari dan vot gaji		
7.	PA/PSH	pengemaskinian rekod dalam fail		

CARTA ALIR

c. Pengemaskinian rekod bekerja lebih masa



SENARAI SEMAK

c. Pengemaskinian rekod bekerja lebih masa

BIL	TINDAKAN	TANDA (/)	CATATAN
1.	Isi Borang Sektor Landskap dan Kelestarian R / ADMIN / 005 (Borang Permohonan Bekerja Semasa Cuti Bagi Pekerja Sambilan Harian).		
2.	Mengemukakan jadual cadangan bekerja lebih masa serta justifikasi.		
3.	Mendapat kelulusan untuk tujuan pembayaran upah dan memo arahan dikeluarkan.		
4.	Bekerja pada hari dipohon.		
5.	Pengesahan perlaksanaan tugasan setelah tugasan yang dilakukan selesai pada hari bekerja berikutnya.		
6.	Direkod pada sistem E-Jari dan vot gaji		
7.	Pengemaskinian rekod dalam fail		

PROSES KERJA

d. Pelantikan Pekerja Sambilan Harian

BIL	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	PEGAWAI LAIN ADA HUBUNGAN / DIRUJUK	UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA
1.	PA/PSH	Menyelaras mesyuarat dalaman bagi membincangkan prestasi kerja PSH		
2.	SUT KPSU(L)	Menyediakan syor pelantikan PSH.		
3.	KPSU(L)	Menyediakan dokumentasi berkaitan sambungan pelantikan/pelantikan baharu.		
4.	PA/PSH	Menyerahkan surat kepada PSH.		
5.	PA/PSH	Menerima maklum balas penerimaan tawaran dan membuat salinan untuk di hantar ke Pejabat SUT penghantaran melalui tangan.		
6.	PA/PSH	pengemaskinian rekod dalam fail		

CARTA ALIR

d. Pelantikan Pekerja Sambilan Harian



SENARAI SEMAK

d. Pelantikan Pekerja Sambilan Harian

BIL	TINDAKAN	TANDA (/)	CATATAN
1.	Menyelaras mesyuarat dalaman bagi membincangkan prestasi kerja PSH		
2.	Menyediakan syor pelantikan PSH.		
3.	Menyediakan dokumentasi berkaitan sambungan pelantikan/pelantikan baharu.		
4.	Menyerahkan surat kepada PSH.		
5.	Menerima maklum balas penerimaan tawaran dan membuat salinan untuk di hantar ke Pejabat SUT penghantaran melalui tangan.		
6.	pengemaskinian rekod dalam fail		

PROSES KERJA

AKTIVITI 3

Membantu menyelaras urusan berkaitan Kualiti Persekitaran Ruang Pejabat

a. Pengemaskinian maklumat berkaitan EKSA

BIL	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	PEGAWAI LAIN ADA HUBUNGAN / DIRUJUK	UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA
1.	KPSU(L)	Menerima arahan dan menyediakan cadangan perancangan bagi pelaksanaan.		
2.	PA/PSH	Memastikan KEW.PA-7 senarai Aset Alih Kerajaan sentiasa dikemaskini		
3.	PA/PSH	Membuat susulan dari Ibu Pejabat sekiranya nombor rujukan untuk Aset Alih Kerajaan belum diterima dan memastikan setiap Aset kerajaan diletakkan Label HAK MILIK KERAJAAN		
4.	PA/PSH	Memastikan Susunan Fail, Komputer dan Maklumat berkaitan EKSA sentiasa dikemaskini.		
5.	KPSU(L)/PA/PSH	Mendapatkan pengesahan sebelum Carta Organisasi Jabatan, carta Bahagian dan Carta EKSA dikemaskini.		

CARTA ALIR

AKTIVITI 3

a. Pengemaskinian maklumat berkaitan program EKSA



SENARAI SEMAK

a. Pengemaskinian maklumat berkaitan program EKSA

BIL	TINDAKAN	TANDA (/)	CATATAN
1.	Menerima arahan dan menyediakan cadangan perancangan bagi pelaksanaan.		
2.	Memastikan KEW.PA-7 senarai Aset Alih Kerajaan sentiasa dikemaskini		
3.	Membuat susulan dari Ibu Pejabat sekiranya nombor rujukan untuk Aset Alih Kerajaan belum diterima dan memastikan setiap Aset kerajaan diletakkan Label HAK MILIK KERAJAAN		
4.	Memastikan Susunan Fail, Komputer dan Maklumat berkaitan EKSA sentiasa dikemaskini.		
5.	Mendapatkan pengesahan sebelum Carta Organisasi Jabatan, carta Bahagian dan Carta EKSA dikemaskini.		

PROSES KERJA

b. Merekod laporan aduan kerosakan pejabat dan membuat susulan

BIL	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	PEGAWAI LAIN ADA HUBUNGAN / DIRUJUK	UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA
1.	PA/PSH	Menerima aduan dari kakitangan Bahagian Landskap		
2.	PA/PSH	Merekod aduan yang diterima dalam buku rekod aduan Bahagian Landskap		
3.	KPSU(L)/PA/PSH	Membincangkan bagi penentuan jenis aduan sebelum tindakan susulan dijalankan.		
4.	PA/PSH	Memaklumkan ke pihak pengurusan bangunan Wisma Innoprise atau laporkan ke Ibu pejabat sekiranya aduan berkaitan kerosakan Aset		
5.	PA/PSH	Membuat salinan aduan untuk rekod pengemaskinian dan susulan		

CARTA ALIR

b. Merekod laporan aduan kerosakan pejabat dan membuat susulan.



SENARAI SEMAK

b. Merekod laporan aduan kerosakan pejabat dan membuat susulan.

BIL	TINDAKAN	TANDA (/)	CATATAN
1.	Menerima aduan dari kakitangan Bahagian Landskap		
2.	Merekod aduan yang diterima dalam buku rekod aduan Bahagian Landskap		
3.	Membincangkan bagi penentuan jenis aduan sebelum tindakan susulan dijalankan.		
4.	Memaklumkan ke pihak pengurusan bangunan Wisma Innoprise atau laporkan ke Ibu pejabat sekiranya aduan berkaitan kerosakan Aset		
5.	Membuat salinan aduan untuk rekod pengemaskinian dan susulan		

Sektor Landskap dan Kelestarian

PROSES KERJA

c. Membantu memastikan SOP Pengawalan COVID dipatuhi.

BIL	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	PEGAWAI LAIN ADA HUBUNGAN / DIRUJUK	UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA
1.	KPSU(L)/PA/ PSH	Menerima arahan dan menyediakan cadangan bagi pelaksanaan.		
2.	PA/PSH	Menyediakan/mengemaskini Prosedur Operasi Kerja untuk rujukan bagi Pejabat Bahagian Landskap		
3.	PA/PSH	a. Menyediakan dan memastikan semua peralatan (pengesan suhu, cecair pembasmi kuman sentiasa berfungsi) b. Memastikan kakitangan dan pelawat memakai pelitup muka c. Memastikan kakitangan dan pelawat mengesan suhu badan di pintu masuk premis d. Memastikan kakitangan dan pelawat Mendaftar/melaporkan diri melalui Mysejahtera atau buku daftar pelawat sebelum memasuki premis. e. Tidak membenarkan pekerja yang tidak sihat atau suhu badan 37.5 darjah Celsius atau dibawah pemerhatian KKM untuk hadir bekerja. f. Tidak membenarkan pelawat yang tidak sihat atau suhu badan 37.5 darjah Celsius atau dibawah pemerhatian KKM untuk berurusan di premis.		
4.	PA/PSH	Memaklumkan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan Ibu Pejabat sekiranya cecair pembasmi kuman habis.		

CARTA ALIR

c. Membantu memastikan SOP Pengawalan COVID dipatuhi.



SENARAI SEMAK

c. Membantu memastikan SOP Pengawalan COVID dipatuhi.

BIL	TINDAKAN	TANDA (/)	CATATAN
1.	Menerima arahan dan menyediakan cadangan bagi pelaksanaan.		
2.	Menyediakan/mengemaskini Prosedur Operasi Kerja untuk rujukan bagi Pejabat Bahagian Landskap		
3.	a. Menyediakan dan memastikan semua peralatan (pengesan suhu, cecair pembasmi kuman sentiasa berfungsi) b. Memastikan kakitangan dan pelawat memakai pelitup muka c. Memastikan kakitangan dan pelawat mengesan suhu badan di pintu masuk premis d. Memastikan kakitangan dan pelawat Mendaftar/melaporkan diri melalui Mysejahtera atau buku daftar pelawat sebelum memasuki premis. e. Tidak membenarkan pekerja yang tidak sihat atau suhu badan 37.5 darjah Celsius atau dibawah pemerhatian KKM untuk hadir bekerja. f. Tidak membenarkan pelawat yang tidak sihat atau suhu badan 37.5 darjah Celsius atau dibawah pemerhatian KKM untuk berurusan di premis.		
4.	Memaklumkan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan Ibu Pejabat sekiranya cecair pembasmi kuman habis.		

PROSES KERJA

d. Pengemaskinian rekod pelawat yang datang ke pejabat

BIL	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	PEGAWAI LAIN ADA HUBUNGAN / DIRUJUK	UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA
1.	PA/PSH	Menyediakan buku daftar pelawat mengikut tahun		
2.	PA/PSH	Memastikan buku daftar pelawat sentiasa berada di kaunter pertanyaan		
3.	PA/PSH	Memastikan setiap pelawat mengisi buku daftar pelawat. (pen akan sentiasa di Sanitasi)		
4.	PA/PSH	Pegemaskinian rekod daftar pelawat.		

CARTA ALIR

d. Pengemaskinian rekod pelawat yang datang ke pejabat.



SENARAI SEMAK

d. Pengemaskinian rekod pelawat yang datang ke pejabat.

BIL	TINDAKAN	TANDA (/)	CATATAN
1.	Menyediakan buku daftar pelawat mengikut tahun		
2.	Memastikan buku daftar pelawat sentiasa berada di kaunter pertanyaan		
3.	Memastikan setiap pelawat mengisi buku daftar pelawat. (pen akan sentiasa di Sanitasi)		
4.	Pegemaskinian rekod daftar pelawat.		

SEKTOR DAN BAHAGIAN DI BAWAH KKTP

Sektor Pembangunan



03



Direktori

Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan,
Tingkat 4-5,
Wisma Innoprise,
Jalan Sulaman,Teluk Likas,
88817 Kota Kinabalu.

No Telefon : 088-428909
No. Faks : 088-383173

BAHAGIAN-BAHAGIAN:

- Bahagian Teknikal
- Bahagian Pengurusan Sisa Pepejal
- Bahagian Perancangan



Sektor Pembangunan

Bahagian Teknikal

PENGENALAN

Menjadi sebuah Kementerian yang kreatif dan Inovatif ke arah memacu pembangunan mampan dan mencapai kesejahteraan rakyat melalui penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan efisien pada tahun 2025.

FUNGSI UTAMA

Menjadi sebuah Kementerian yang kreatif dan Inovatif ke arah memacu pembangunan mampan dan mencapai kesejahteraan rakyat melalui penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan efisien pada tahun 2025.

VISI

Perancangan Pembangunan Inklusif dan sistematik Untuk Kesejahteraan Rakyat

MISI

Melestarikan Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam di PBT Sabah Seiring dengan Pelaksanaan Inisiatif Sabah Maju Jaya

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)

Bahagian Teknikal



CARTA PROSEDUR TUNTUTAN TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI PERUMAHAN





Sektor Pembangunan

Bahagian Pengurusan Sisa Pepejal

PENGENALAN

Bahagian pengurusan sisa pepejal di dalam Kementerian Kerajaan Tempatan adalah satu bahagian yang menguruskan tugas-tugas yang berkaitan dengan pembuangan sisa pepejal dan kebersihan awam.

FUNGSI UTAMA

Merancang , merangka , menyelaras dan memantau kerja-kerja pengurusan sisa pepejal sekaligus menyediakan anggaran kos pembinaan yang melibatkan pembinaan tapak-tapak pelupusan sampah di seluruh PBT.Bahagian ini juga mewakili Kementerian di dalam mesyuarat, persidangan, forum dan seminar mengenai pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di peringkat Negeri, Persekutuan dan Antarabangsa.

VISI

KKTP bertekad menyediakan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lestari, bersepadu, cekap, berkesan dan kos efektif.

MISI

KKTP akan sentiasa meningkatkan mutu pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam melalui penggubalan dasar, strategi, pelan tindakan dan perundangan.

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)

Bahagian Pengurusan Sisa Pepejal

PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN/ DIRUJUK	UNDANG-UNDANG/ PERATURAN
1. Menerima dokumen-dokumen kerja berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. 2. Membantu menyediakan dokumen-dokumen kerja berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang diterima. 3. Membantu mengkaji dan menyelaras senarai-senarai kuantiti yang diterima. 4. Menghadiri dan menyediakan minit mesyuarat berkaitan. 5. Membantu menyediakan kertas-kertas mesyuarat, surat atau dokumen untuk pertimbangan. 6. Mengurus seliakan mesyuarat. 7. Menyediakan minit kepada Menteri bagi berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. 8. Menyediakan dan menyampaikan keputusan mesyuarat, Setiausaha Tetap atau Menteri kepada PBT. 9. Membantu meneliti cadangan skop kerja, menjalankan pemeriksaan tapak, membuat kerja-kerja berkaitan. 10. Membantu memeriksa dan menyampaikan skop kerja yang telah disediakan kepada PBT. 11. Membantu membuat pembentangan kepada PBT mengenai skop kerja yang telah disediakan.	**SUT / TSUT 1 / SUR(P) / Bhg. Fail**	**LGO Seksyen 37(2) LGO 1961**



Sektor Pembangunan

Bahagian Perancangan

PENGENALAN

Selaras dengan penstrukturan semula organisasi KKTP pada tahun 2021, Bahagian ini yang dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pembangunan kini telah dijenamakan semula sebagai Bahagian Perancangan. Bahagian ini merupakan salah satu komponen bahagian yang diletakkan di bawah Sektor Pembangunan.

Bersesuaian dengan nama Bahagian Perancangan, Bahagian ini berperanan untuk menyelaras permohonan dan memantau pelaksanaan projek-projek Peruntukan Khas Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan S39, Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12, D39 dan Peruntukan Khas Kementerian Kewangan S27.

FUNGSI UTAMA

Menyelaras dan menyemak permohonan serta pelaporan kemajuan pelaksanaan :

- Projek Biayaan Persekutuan – Projek Peruntukan BP.1 Jabatan Kerajaaan Tempatan, Program Bandar Selamat , Program Penyelenggaraan Lanskap dan projek-projek perutukan KKTP Malaysia bagi 25 PBT Sabah.
- Projek Biayaan Negeri – Peruntukan Pembangunan (D39) bagi 25 pbt Sabah termasuk Lembaga Perumahan dan Pembangunan Bandar (LPPB) dan Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah.

VISI

Perancangan Pembangunan Inklusif dan Sistematik Untuk Kesejahteraan Rakyat.

MISI

Melestarikan Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam di PBT Sabah Seiring dengan Pelaksanaan Inisiatif Sabah Maju Jaya.

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)

Bahagian Perancangan

1. AKTIVITI:

Menyedia dan menyemak senarai kuantiti (Bills of Quantity) Projek Peruntukan Kerajaan Negeri bagi S39/S27/D39.

1.1 PROSES KERJA:

Penyediaan Senarai Kuantiti S39/S27 Peruntukan Kerajaan Negeri Sabah

TANGGUNGJAWAB (JAWATAN)	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN/ DIRUJUK	UNDANG-UNDANG/ PERATURAN
Ketua Bahagian	1. Peruntukan diterima daripada Kementerian Kewangan dan diagihkan kepada bahagian yang berkenaan. 2. Mendapat arahan untuk membuat senarai kuantiti.	**SUT**	1. **Arahan Perbendaharaan** 2. **Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah**
QS	3. Menyediakan senarai kuantiti mengikut pasaran semasa. 4. Menyemak senarai kuantiti yang disediakan oleh bahagian yang berkenaan. 5. Menghantar senarai kuantiti yang telah disediakan untuk kelulusan Ketua Jabatan.		

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)

Bahagian Perancangan

2. AKTIVITI:

Menyelaras proses sebutharga di peringkat Kementerian Projek Peruntukan Kerajaan Negeri bagi Rancangan Malaysia /D39/S39/S27.

2.1 PROSES KERJA:

Proses Perolehan Sebutharga Kementerian bagi peruntukan bernilai RM20,000.00 sehingga RM250,000.00.

TANGGUNGJAWAB (JAWATAN)	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN/ DIRUJUK	UNDANG-UNDANG/ PERATURAN
Ketua Bahagian	1. Mendapat kelulusan peruntukan daripada Kementerian Kewangan. 2. Peruntukan diagihkan kepada Ketua-Ketua Bahagian untuk tindakan. 3. Memo akan dikeluarkan kepada Juruukur Bahan untuk membuat proses sebutharga.	**SUT KKTP**	1. **Arahan Perbendaharaan** 2. **Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah**
QS	4. Menyediakan iklan, dokumen sebutharga untuk dijual kepada penyebutharga.		
JawatanKuasa Perolehan (Pembukaan, Penilaian, Keputusan)	Jawatankuasa Pembukaan Sebutharga :- • Pegawai/Setiausaha yang telah dilantik membuka peti tawaran dan akan membuat mesyuarat Jawatankuasa Pembukaan Sebutharga dan akan menghantar laporan tersebut kepada Setiausaha Penilaian Tender. Jawatankuasa Penilaian Sebutharga:- • Pegawai/Setiausaha yang telah dilantik membuat penilaian dan akan di bawa ke mesyuarat penilaian bagi mensyor penyebutharga yang paling layak sebelum dihantar untuk membentangkan penilaian ke Jawatankuasa Keputusan Sebutharga. Jawatankuasa Keputusan Sebutharga:- • Pegawai/Setiausaha keputusan Sebutharga akan membuat laporan dan akan membuat mesyuarat yang akan dipengerusikan oleh SUT untuk membuat keputusan sebutharga dan menghantar keputusan kepada ketua bahagian yang terlibat.		
	Mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada penyebutharga yang Berjaya selepas mendapat keputusan daripada Jawatankuasa Sebutharga		

Bahagian Perancangan

3. AKTIVITI:

Menyelaras proses Tender di peringkat Kementerian Projek Peruntukan Kerajaan Negeri bagi Rancangan Malaysia /D39/S39/S27.

3.1 PROSES KERJA:

Proses Perolehan Tender Kementerian bagi peruntukan bernilai RM250,000.00 sehingga RM500,000.00.

TANGGUNGJAWAB (JAWATAN)	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN/ DIRUJUK	UNDANG-UNDANG/ PERATURAN
Ketua Bahagian	1. Mendapat kelulusan peruntukan daripada Kementerian Kewangan. 2. Peruntukan diagihkan kepada Ketua-Ketua Bahagian untuk tindakan. 3. Memo akan dikeluarkan kepada Juruukur Bahan untuk membuat proses sebutharga.	SUT KKTP	1. **Arahan Perbendaharaan** 2. **Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah**
QS	3. Menyediakan iklan, dokumen sebutharga untuk dijual kepada penyebutharga.		
Lembaga Perolehan Kementerian (Pembukaan, Penilaian, Keputusan)	Jawatankuasa Pembukaan Tender Kementerian :- • Pegawai/Setiausaha yang telah dilantik membuka peti tawaran dan akan membuat mesyuarat Jawatankuasa Pembukaan Sebutharga dan akan menghantar laporan tersebut kepada Setiausaha Penilaian Tender. • Ahli pembukaan tender Kementerian hendaklah diwakil daripada Kementerian Kewangan, Jabatan Bendahari Negeri dan Jabatan Kerja Raya Jawatankuasa Penilaian Tender:- • Pegawai/Setiausaha yang telah dilantik membuat penilaian dan akan di bawa ke mesyuarat penilaian bagi mensyor Tender yang paling layak sebelum dihantar untuk membentangkan penilaian ke Jawatankuasa Keputusan Tender. Jawatankuasa Keputusan Tender:- • Pegawai/Setiausaha keputusan Sebutharga akan membuat laporan dan akan membuat mesyuarat yang akan dipengerusikan oleh SUT untuk membuat keputusan Tender dan menghantar keputusan kepada ketua bahagian yang terlibat. • Ahli keputusan tender Kementerian hendaklah diwakil daripada Kementerian Kewangan, Jabatan Bendahari Negeri dan Jabatan Kerja Raya,		
Setiausaha Tender	Menghantar minit Lembaga Tawaran Tender kepada Menteri bagi persetujuan dan mendapatkan kebenaran untuk menandatangani kontrak. (akta kontrak 1949)		
Ketua Bahagian	Menerima Keputusan daripada Lembaga Tawaran Kementerian Tender dan Mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada penyebutharga yang Berjaya		

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)

Bahagian Perancangan

4. AKTIVITI:

Menyelaras proses Tender di peringkat Kementerian Projek Peruntukan Kerajaan Negeri bagi Rancangan Malaysia /D39/S39/S27.

4.1 PROSES KERJA:

Proses Perolehan Tender Kementerian bagi peruntukan bernilai RM500,000.00 keatas.

TANGGUNGJAWAB (JAWATAN)	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN/ DIRUJUK	UNDANG-UNDANG/ PERATURAN
Ketua Bahagian	1. Mendapat kelulusan peruntukan daripada Kementerian Kewangan. 2. Peruntukan diagihkan kepada Ketua-Ketua Bahagian untuk tindakan. 3. Memo akan dikeluarkan kepada Juruukur Bahan untuk membuat proses sebutharga.	**SUT KKTP**	1. **Arahan Perbendaharaan** 2. **Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah**
QS	Menyediakan iklan, dokumen sebutharga untuk dijual kepada penyebutharga.		
Lembaga Perolehan Negeri (Pembukaan, Penilaian, Keputusan)	Jawatankuasa Pembukaan Tender Negeri :- • Pembukaan tender akan dibuat di Kementerian Kewangan Jawatankuasa Penilaian Tender:- • Pegawai/Setiausaha yang telah dilantik membuat penilaian dan akan di bawa ke mesyuarat penilaian bagi mensyor petender yang paling layak sebelum dihantar untuk membentangkan penilaian ke Lembaga Tawaran Negeri. Jawatankuasa Keputusan Tender:- • Lembaga Tawaran Tender Negeri akan diputuskan di Kementerian Kewangan yang akan dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan.		
	Menerima Surat Keputusan Tender daripada Kementerian Kewangan.		
	Membuat dan menghantar minit Lembaga Tawaran Tender Negeri kepada Menteri bagi persetujuan dan mendapatkan kebenaran untuk menandatangani kontrak. (akta kontrak 1949)		
	Kelulusan daripada menteri dan akan menyediakan Surat Setuju Terima kepada Petender sebelum ditandatangani oleh SUT KKTP		

5. AKTIVITI:

Setiausaha bagi Jawatankuasa Proses Perolehan Projek (Sebutharga/Tender)

5.1 PROSES KERJA:

Proses Perolehan Projek S39, D39, S27 & Dana Majlis (Sebutharga/Tender)

TANGGUNGJAWAB (JAWATAN)	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN/ DIRUJUK	UNDANG-UNDANG/ PERATURAN
KPSU (P) KJ PJ1 PJ2 PJS PSU (P)	Dokumen Penilaian diterima dan analisa dilakukan.	**SUR (P) KPSU (P) KJ**	1. **Arahan Perbendaharaan** 2. **Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah**
	Mesyuarat Perolehan (Pemutus)		
	Keputusan mesyuarat diminitkan kepada YB Menteri untuk Kelulusan Seksyen 37		
	Surat Keputusan dan Seksyen 37 dipanjangkan kepada PBT Berkenaan.		

SEKTOR DAN BAHAGIAN DI BAWAH KKTP

Bahagian Perumahan Swasta



03

PENGENALAN

Pengeluaran Lesen Pemaju Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan Memantau perkembangan projek perumahan swasta di Negeri Sabah Melindungi kepentingan pembeli rumah berdasarkan perjanjian Jual Beli yang telah ditandatangani dengan pemaju. Mengumpul, menyusun dan mengemaskini data-data perumahan tahunan sebagai rekod Kementerian.

FUNGSI UTAMA

- Menguatkuasa undang-undang di bawah Enakmen Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1978 bagi kelulusan Lesen Pemaju Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan.
- Menguatkuasa peraturan-peraturan di bawah Kaedah-Kaedah Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 2008 bagi kelulusan Lesen Pemaju Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan.
- Memproses permohonan pelepasan lot-lot Bumiputera kepada kaum bukan-Bumiputera.
- Memproses pelepasan Jaminan Bank 5%pemaju perumahan swasta.
- Pengumpulan data dan statistik perumahan Negeri.
- Penggubalan dasar perumahan Negeri.
- Pemantauan dan penguatkuasaan peraturan-peraturan di bawah Kaedah-Kaedah Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 2008 ke atas pembangunan peraturan swasta.

VISI

Membantu Kementerian dalam menjadikan Negeri Sabah sebagai sebuah Negeri maju bercirikan pembangunan fizikal terancang dan seimbang melalui pembangunan perumahan swasta

MISI

Sentiasa menjalankan tanggungjawab dengan cekap dan amanah kepada pelanggan berdasarkan peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa.



Direktori

Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan,
Tingkat 6,
Wisma Innoprise,
Jalan Sulaman,Teluk Likas,
88817 Kota Kinabalu.
No Telefon : 088-428209
No. Faks : 088-430541

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)
Bahagian Perumahan Swasta

1. PERMOHONAN LESEN PEMAJU PERUMAHAN DAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN BAHARU

1.1 Lesen pemaju perumahan adalah diwajibkan di bawah seksyen 5(1)(a) Enakmen Perumahan (Kawalan dan Pelesenan Pemaju-Pemaju) 1978 ke atas setiap pemaju perumahan yang melaksanakan pemajuan perumahan.

1.2 Pemaju perumahan juga diwajibkan untuk memperolehi permit iklan dan jualan sebelum memulakan sebarang aktiviti jualan rumah atau pengiklanan projek perumahan.

1.3 Permohonan permit iklan dan jualan boleh dikemukakan serentak dengan permohonan lesen pemaju perumahan.

1.4 Borang permohonan lesen pemaju perumahan dan permit iklan dan jualan adalah ditetapkan di dalam Jadual A dan D masing-masing.

1.5 Pemaju perumahan juga diwajibkan untuk membayar kepada Pengawal Perumahan deposit senilai dengan 5% daripada kos pemajuan perumahan di bawah seksyen 5(1)(b) sebelum lesen pemaju perumahan dan permit iklan dan jualan dikeluarkan.

1.6 Bagi pemaju perumahan yang belum menyelesaikan pembayaran premium tanah, deposit senilai 1.5% kos pembangunan dalam bentuk jaminan bank hendaklah didepositkan dengan Pengawal Perumahan sehingga premium tanah dibayar sepenuhnya.

1.7 Kos pemajuan perumahan tersebut hendaklah diperakui oleh Jurukur Bahan yang dilantik pemaju perumahan.

1.8 Permohonan lesen pemaju perumahan dan permit iklan dan jualan baharu hendaklah diproses mengikut carta alir di Jadual 1 dan dokumen sepertimana dinyatakan dalam senarai semak *(checklist)* di Jadual 2 hendaklah dikemukakan kepada Pengawal Perumahan.

1.9 Pemaju perumahan hendaklah memastikan semua dokumen dan butiran yang dikemukakan adalah lengkap dan benar.

1.10 Pemaju perumahan juga hendaklah memastikan Pelan Pembangunan (DP) termasuk *Phasing Plan* dan Pelan Bangunan yang dikemukan adalah masih sah. Sebagai makluman, Pelan Pembangunan (DP) termasuk *Phasing Plan* adalah sah untuk tempoh 2 tahun dari tarikh kelulusan manakala Pelan Bangunan (BP) adalah sah untuk tempoh 1 tahun dari tarikh kelulusan.

Jadual 1

PERMOHONAN BAHARU LESEN PEMAJU PERUMAHAN DAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN



Nota:

**sila rujuk senarai semak dalam lampiran mengenai dokumen yang perlu dikemukakan*

2. PEMBAHARUAN LESEN PEMAJU PERUMAHAN DAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN

2.1 Permohonan pembaharuan lesen pemaju perumahan dan permit iklan dan jualan hendaklah dikemukakan kepada Pengawal Perumahan dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh tamat tempoh lesen pemaju perumahan atau permit iklan dan jualan semasa.

2.2 Pada dasarnya, walaupun sesuatu pemajuan perumahan tersebut telah dikeluarkan CCC atau OC, pemaju perumahan masih diwajibkan untuk memperbaharui lesen pemaju perumahan sehingga semua kewajipan pemaju perumahan kepada pembeli dipenuhi iaitu apabila semua tuntutan pembeli (jika ada) diselesaikan dan geran tanah rumah dipindah milik kepada semua pembeli rumah.

2.3 Tempoh lesen pemaju yang diperbaharui hendaklah tidak kurang daripada satu tahun atau lebih mengikut budi bicara Pengawal Perumahan.

2.4 Bagi pemajuan perumahan yang tidak disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dalam lesen pemaju semasa atau mengalami kelewatan penyiapan, Pengawal Perumahan boleh menghendaki tempoh lesen pemaju perumahan diperbaharui melebihi satu tahun berdasarkan laporan kemajuan kerja di tapak dan pengesahan tarikh jangka siap projek daripada Juruperunding Arkitek yang dilantik pemaju perumahan.

2.5 Bagi pemaju perumahan yang telah mengemukakan Jaminan Bank sebagai deposit senilai 5% daripada kos pemajuan perumahan, Jaminan Bank tersebut hendak diperbaharui untuk tempoh lesen yang baharu sepertimasa diluluskan oleh Pengawal Perumahan.

2.6 Permohonan pembaharuan lesen bagi pembangunan perumahan yang tidak disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dalam lesen pemaju semasa atau mengalami kelewatan penyiapan adalah diproses mengikut carta alir di Jadual 1 dan dokumen sepertimasa dinyatakan dalam senarai semak (checklist) di Jadual 3 hendaklah dikemukakan kepada Pengawal Perumahan.

2.7 Manakala permohonan pembaharuan lesen bagi pembangunan perumahan yang telah dikeluarkan CCC atau OC adalah diproses mengikut carta alir kerja di Jadual 2.

2.8 Permohonan pembaharuan permit iklan dan jualan boleh dibut serentak dengan pembaharuan lesen pemaju perumahan mengikut carta alir di Jadual 1 dan dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam Jadual 4 hendaklah dikemukakan.

2.9 Pemaju perumahan hendaklah memastikan semua dokumen dan butiran yang dikemukakan adalah lengkap dan benar.

Jadual 1

CARTA ALIR PEMBAHARUAN LESEN PEMAJU PERUMAHAN/PERMIT IKLAN DAN JUALAN UNTUK PEMAJUAN PERUMAHAN YANG BELUM DIKELUAR CCC ATAU OC



Nota:
**Sila rujuk senarai semak dalam lampiran*
*** Rekomendasi hanya akan dikemukakan kepada Pengawal Perumahan selepas Jaminan Bank yang telah diperbaharui diterima*
Borang Jadual C: Borang Pembaharuan Lesen Pemaju Perumahan
Borang Jadual F: Borang Pembaharuan Permit Iklan dan Jualan

Jadual 2

CARTA ALIR PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN UNTUK PEMBANGUNAN PERUMAHAN YANG TELAH DIKELUARKAN CCC ATAU OC



3. PEMBAYARAN BALIK DEPOSIT DI BAWAH SEKSYEN 17 (1)

3.1 Pembayaran balik deposit yang dibayar pemaju perumahan di bawah seksyen 5(1)(b) Enakmen Perumahan (Kawalan dan Pelesenan Pemaju-Pemaju) 1978

3.1.1 Pembayaran balik deposit yang dibayar pemaju perumahan di bawah seksyen 5(1)(b) adalah diperuntukan di bawah seksyen 17(1) dan tertakluk kepada kuasa Pengawal Perumahan untuk menahan jumlah yang difikir sesuai di bawah seksyen 17(4).

3.1.2 Pembayaran balik deposit adalah dibenarkan selepas pengeluaran *certificate of Completion and Compliance* (CCC) atau *Occupation Certificate (OC)* mengikut peringkat dan kadar pembayaran seperti berikut:

(i)	Selepas projek perumahan dikeluarkan CCC atau OC ----------	50% daripada nilai asal deposit
(ii)	Selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan bangunan ----------	45% daripada nilai asal deposit
(iii)	Selepas geran dipindah milik kepada semua pembeli ----------	baki 5% daripada nilai asal deposit

3.1.3 Pada dasarnya pembayaran balik deposit sehingga 50% daripada nilai deposit asal adalah dibenarkan selepas pengeluaran CCC atau OC sekiranya mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Baki 50% deposit tersebut adalah dibayar balik dalam dua peringkat iaitu:-

(i) Selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan bangunan iaitu setelah semua semua tuntutan tanggungan kecacatan bangunan (jika ada) telah diselesaikan (45% daripada nilai deposit asal);dan

(ii) Selepas semua geran tanah individu dipindah hak milik kepada pembeli rumah (baki 5% daripada nilai deposit asal)

3.1.4 Walau apa pun nilai deposit yang boleh dibayar balik seperti dinyatakan di atas, Pengawal Perumahan boleh menahan apa-apa amaun deposit yang difikirkan sesuai di bawah seksyen 17(4) bagi melindungi kepentingan pembeli.

3.2 Pembayaran balik deposit selepas pengeluaran CCC atau OC

3.2.1 Pembayaran balik deposit selepas pengeluaran CCC atau OC adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

(i) Pemaju perumahan hendaklah mengemukakan salinan CCC atau OC bagi projek perumahan sebagai bukti projek perumahan telah disiapkan;dan

(ii) Pemaju perumahan hendaklah mengemukakan resit pembayaran fi pengukuran tanah dan premium pecah bahagi tanah ataupun bangunan (bagi pembangunan yang akan dikeluarkan geran subsidiari termasuk *Accessory Parcel* di bawah *Land (Subsidiary Title) Enactment 1972* sebagai bukti bahawa yuran pengukuran dan premium tanah telah dibayar.

3.2.2 Pengawal Perumahan akan membayar balik jumlah bersamaan dengan nilai 50% daripada nilai deposit asal kepada pihak pemaju perumahan tertakluk kepada pematuhan syarat yang dinyatakan di perenggan 3.2.1.

3.2.3 Sekiranya deposit asal adalah dalam bentuk jaminan bank maka jaminan bank asal akan dikembalikan dan digantikan dengan cashier order/bank draft bersamaan dengan nilai 50% daripada nilai deposit asal.

3.3.4 Carta alir pembayaran balik deposit selepas CCC atau OC diperolehi (50% daripada nilai deposit asal) adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1

Carta Alir Pembayaran Balik Deposit Selepas CCC Atau OC



3.3 Pembayaran balik deposit selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan bangunan

3.3.1 Pembayaran balik deposit selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan bangunan adalah dibenarkan sekiranya Tribunal Tuntutan Pembeli Perumahan telah memberi pengesahan bahawa semua tuntutan *Liquidated Damages* dan kecacatan bangunan (jika ada) telah diselesaikan oleh pemaju perumahan.

3.3.2 Jumlah pembayaran balik adalah sebanyak 45% daripada nilai deposit asal. Sekiranya pemaju perumahan tidak menuntut pembayaran balik deposit selepas pengeluaran CCC atau OC, maka pembayaran balik deposit selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan bangunan boleh dibuat serentak dengan pembayaran balik deposit selepas pengeluaran CCC atau OC. Dalam situasi ini, jumlah pembayaran balik deposit adalah sebanyak 95% daripada nilai deposit asal tertakluk kepada pematuhan syarat yang dinyatakan di perenggan 3.2 dan perenggan 3.3.

3.3.3 Carta alir pembayaran balik deposit selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan bangunan adalah seperti di Jadual 2 dan 3.

Jadual 2

Carta Alir Pembayaran Balik Deposit Selepas Tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan Bangunan Bagi Kes Tiada Pembayaran Balik Deposit Selepas Tamat CCC Atau OC



Jadual 3

Carta Alir Pembayaran Balik Deposit Selepas Tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan Bangunan Bagi Kes Pemaju Yang Telah Memperolehi Bayaran Balik Deposit Selepas CCC Atau OC



***Nota:**

Pihak pemaju hendaklah mengambil tindakan susulan di Bahagian Akaun KKTP dan Jabatan Bendahari Negeri Sabah untuk pembayaran balik baki deposit yang telah dilepaskan selepas menerima surat kelulusan pembayaran balik deposit daripada Pengawal Perumahan.

3.4 Pembayaran balik baki 5% deposit asal selepas semua geran tanah bagi unit rumah yang dijual telah dipindah milik kepada pembeli rumah.

3.4.1 Baki 5% deposit asal iaitu setelah ditolak amaun bayaran balik deposit selepas pengeluaran CCC atau OC (perenggan 3.2) dan tamat tempoh tanggungan kecacatan bangunan (perenggan 3.3) adalah ditahan oleh Pengawal Perumahan di bawah seksyen 17(4). Baki 5% tersebut hendaklah dibayar balik kepada Pemaju Perumahan setelah segala liabiliti dan obligasi pemaju perumahan diselesaikan dan geran individu telah dipindah milik kepada pembeli.

3.4.2 Pemaju perumahan hendaklah mengemukakan surat pengesahan daripada peguam yang berkenaan sebagai bukti bahawa semua geran bagi rumah yang dijual telah dipindah milik kepada pembeli berserta salinan geran yang telah dipindah milik.

3.4.3 Sekiranya terdapat geran rumah yang tidak dapat dipindah milik disebabkan kegagalan di pihak pembeli, maka pemaju perumahan hendaklah mengemukakan surat pengesahan daripada pihak peguam bahawa notis telah diberikan kepada pihak pembeli untuk memindah milik geran beserta dengan salinan notis tersebut.

3.4.4. Carta alir pembayaran balik deposit selepas semua geran tanah bagi unit rumah yang dijual telah dipindah milik kepada pembeli adalah seperti di Jadual 4.

Jadual 4

Carta Alir Pembayaran Balik Baki 5% Deposit Asal Selepas Semua Geran Tanah Bagi Unit Rumah Yang Dijual Telah Dipindah Milk Kepada Pembeli Rumah



Nota :
Selepas menerima surat kelulusan pembayaran balik wang deposit, Bahagian Akaun KKTP akan mengemukakan baucar pembayaran ke Jabatan Bendahari Negeri Sabah (JBNS) dan pihak pemaju hendaklah mengambil tindakan susulan di JBNS.

3.5 Pembayaran balik keseluruhan deposit asal selepas semua geran tanah bagi unit rumah yang dijual telah dipindah milik kepada pembeli rumah.

3.5.1 Permohonan pembayaran balik keseluruhan deposit asal tersebut boleh dipertimbangkan tanpa melalui pembayaran berperingkat seperti yang dinyatakan di perenggan 3.2, 3.3 dan 3.4 tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang dinyatakan di perenggan 3.5.2.

3.5.2 Syarat-syarat yang dimaksudkan adalah seperti berikut:-

(i) Mengemukakan salinan CCC atau OC bagi projek perumahan sebagai bukti projek perumahan telah disiapkan;

(ii) Mengemukakan resit pembayaran fi pengukuran tanah dan premium pecah bahagi tanah ataupun bangunan (bagi pembangunan yang akan dikeluarkan geran subsidiari termasuk *Accessory Parcel* di bawah *Land (Subsidiary Title) Enactment 1972* sebagai bukti bahawa yuran pengukuran dan premium tanah telah dibayar;

(iii) Pengesahan daripada Tribunal Perumahan yang menyatakan bahawa semua tuntutan *Liquidated Damages* dan kecacatan bangunan jika ada, telah diselesaikan;

(iv) Mengemukakan surat pengesahan daripada peguam yang berkenaan bahawa semua geran bagi rumah yang dijual telah dipindah milik kepada pembeli berserta salinan geran yang telah dipindah milik;dan

(v) Jika terdapat geran yang belum dipindah milik, pemaju hendaklah mengemukakan surat pengesahan daripada pihak peguam yang menyatakan bahawa notis telah diberi kepada pembeli untuk memindah milik geran beserta salinan notis.

3.5.3 Jaminan bank asal akan dikembalikan kepada pihak pemaju perumahan setelah Pengawal Perumahan meluluskan permohonan tersebut.

3.5.4 Carta alir pembayaran balik keseluruhan deposit asal adalah seperti di Jadual 5.

Jadual 5

Carta Alir Pembayaran Balik Keseluruhan Deposit Asal Selepas Semua Geran Tanah Bagi Unit Rumah Yang Dijual Telah Dipindah Milk Kepada Pembeli Rumah



Nota:
** Dokumen yang perlu disertakan:-*
(a) Salinan CCC atau OC;
(b) Resit pembayaran Fi pengukuran tanah;
(c) Resit pembayaran premium pecah bahagi tanah ataupun bangunan;
(d) Surat Pengesahan daripada Tribunal Perumahan bahawa tidak terdapat tuntutan dari pembeli ;
(e) Surat pengesahan daripada peguam yang berkenaan yang menyatakan bahawa semua geran bagi rumah yang dijual telah dipindah milik kepada pembeli berserta salinan geran yang telah dipindah milik; dan
(f) sekiranya geran belum dipindah mikik,surat pengesahan daripada peguam bahawa notis telah diberi kepada pembeli.

4. MELUCUT HAK DEPOSIT DI BAWAH SEKSYEN 17(2A) ENAKMEN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN PEMAJU-PEMAJU) 1978

4.1 KUASA MENTERI MELUCUT HAK DEPOSIT

4.1.1 Menteri adalah diperuntukan kuasa di bawah subseksyen 17(2A) Enakmen Perumahan (Kawalan dan Pelesenan Pemaju-Pemaju) 1978 untuk melucut hak deposit yang telah dibayar oleh pemaju perumahan di bawah seksyen 5(1)(b) jika berpuas hati bahawa pemaju perumahan telah menghentikan kerja di tapak pembinaan selama 6 bulan atau lebih berdasarkan perakuan daripada Pengawal Perumahan.

4.1.2 Lazimnya deposit yang dibayar di bawah subseksyen 5(1)(b) adalah dalam bentuk jaminan bank dan oleh itu Pengawal Perumahan hendaklah mengeluarkan notis tuntutan kepada pihak bank untuk mencairkan jaminan bank tersebut sebelum deposit dilucut hak oleh Menteri.

4.1.3 Setelah menerima notis tuntutan daripada Pengawal Perumahan, pihak bank hendaklah mencairkan jaminan bank tersebut selaras dengan terma dan syarat jaminan bank dan mengeluarkan satu *bank draft* bersamaan dengan nilai jaminan bank kepada Pengawal Perumahan.

4.1.4. Carta alir melucut hak deposit adalah seperti dinyatakan di Jadual di bawah.

4.2 DOKUMEN-DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN BERSAMA PERAKUAN PENGAWAL PERUMAHAN

4.2.1 Laporan kemajuan kerja daripada Juruperunding yang mengesahkan bahawa tidak ada kemajuan kerja di tapak pembinaan selama 6 bulan atau lebih; dan

4.2.2 Laporan pemeriksaan tapak pembinaan berserta gambar tapak pembinaan daripada pegawai yang telah diberi kuasa oleh Pengawal Perumahan bagi mengesahkan bahawa projek perumahan tersebut telah terbengkalai selama 6 bulan atau lebih.

Jadual 1

CARTA ALIR LUCUT HAK DEPOSIT DI BAWAH SEKSYEN 17(2A)



5. PENGGUNAAN DEPOSIT YANG DIBAYAR OLEH PEMAJU PERUMAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5(1)*(b)* ENAKMEN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN PEMAJU-PEMAJU) 1978

5.1 Penggunaan deposit yang dibayar oleh pemaju perumahan di bawah subseksyen 5(1)*(b)* adalah diperuntukan di bawah subseksyen 17(2) dan (4) Enakmen Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1978.

5.2 (i) Di bawah subseksyen 17(2), Menteri boleh berdasarkan perakuan daripada Pengawal Perumahan dan jika berpuas hati, memutuskan supaya deposit yang dibayar oleh pemaju perumahan digunakan untuk tujuan seperti yang dinyatakan dalam subseksyen tersebut.

(ii)Deposit boleh digunakan untuk tujuan berikut:-

(a) Pembayaran fi juruaudit yang dilantik di bawah seksyen 9(1).

(b) Pembayaran apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh mana-mana pihak dalam mematuhi atau melaksanakan arahan Menteri di bawah seksyen 11(1). Pihak yang dimaksudkan termasuklah kontraktor penyelamat atau pemaju penyelamat yang dilantik untuk menyiapkan projek perumahan terbengkalai.

5.3 (i) Di bawah subseksyen 17(4) Pengawal Perumahan boleh menahan dan menggunakan deposit tersebut untuk memastikan segala kewajipan pemaju perumahan sepertimana yang termaktub dalam perjanjian jual beli di antara pemaju perumahan dan pembeli dipenuhi.

(ii)Deposit tersebut boleh digunakan untuk tujuan berikut:-

(a) Pembayaran *Liquidated Ascertained Damages (LAD);*
(b) Pembayaran tanggungan kecacatan bangunan;
(c) Pembayaran fi pengukuran tanah;
(d) Pembayaran tunggakan cukai tanah bagi geran induk (*master title*);
(e) Pembayaran premium tanah bagi pengeluaran geran tanah individu atau geran subsidiari kepada pembeli rumah; dan
(f) Apa-apa tujuan lain selaras dengan terma dan syarat perjanjian jual beli dan nasihat Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah.

5.4 Bagi mengelak sebarang keraguan, penggunaan deposit untuk membayar cukai pintu di bawah *Local Government Ordinance* 1962 atau management fee di bawah *Land (Subsidiary Title) Enactment* 1972 bagi unit rumah tidak terjual adalah tidak dibenarkan memandangkan kewajipan membayar cukai pintu dan *management fee* adalah kewajipan pemilik harta dan tidak dinyatakan sebagai kewajipan pemaju perumahan dalam perjanjian jual beli antara pemaju perumahan dan pembeli rumah.

5.5 Carta alir kelulusan penggunaan deposit adalah seperti dalam Jadual 1 dan 2.

Jadual 1

CARTA ALIR KELULUSAN PENGGUNAAN DEPOSIT DI BAWAH SUBSEKSYEN 17(2)



Jadual 2

CARTA ALIR KELULUSAN PENGGUNAAN DEPOSIT DI BAWAH SUBSEKSYEN 17(4)



** Tuntutan hendaklah selaras dengan perenggan 4(2).*
Bagi tuntutan berkenaan perkara 4(2)(f), ianya hendaklah selaras dengan nasihat undang-undang daripada JPBNS hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

SEKTOR DAN BAHAGIAN DI BAWAH KKTP

Sektor Pengurusan Organisasi dan Khidmat Sokongan



03



Direktori

Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan,
Tingkat 4,6,10 & 15,
Wisma Innoprise,
Jalan Sulaman,Teluk Likas,
88817 Kota Kinabalu.

BAHAGIAN-BAHAGIAN:

- Bahagian Pentadbiran dan Latihan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Dasar dan Undang-undang
- Bahagian Teknologi Maklumat (Pasukan Inovasi Digital)
- Bahagian Komunikasi dan Korporat



Sektor Pengurusan Organisasi dan Khidmat Sokongan

Bahagian Pentadbiran dan Latihan

PENGENALAN

Bahagian Pentadbiran dan Latihan mempunyai 5 unit iaitu Unit Sumber Manusia, Unit Latihan, Unit Pentadbiran Am, Unit Aset dan stor dan Unit Fail dan rekod. Bahagian ini diketuai oleh Ketua Penolong Setiausaha mempunyai seramai 1 orang pegawai dan 18 orang kakitangan sokongan

FUNGSI UTAMA

Bahagian Pentadbiran dan Latihan menyediakan perkhidmatan berikut:
Mengurus sumber manusia dan pembangunan organisasi seperti urusan pengambilan kakitangan, penstrukturan semula organisasi, pertukaran kakitangan, syor-syor perjawatan, latihan, kursus dan tatatertib.

- Mengurus Aset & Inventori.
- Menyelaras sistem rekod fail Kementerian.
- Mengurus tempahan dan bil-bil pembayaran.
- Menyediakan pengurusan pengangkutan Kementerian.
- Menguruskan penerimaan/penghantaran dokumen dan surat menyurat Jabatan .
- Menyediakan perkhidmatan khidmat pelanggan Kementerian.
- Urusetia Mesyuarat Pengurusan Kementerian, Tatatertib, Mesyuarat Sambutan perayaan Rasmi dan lain-lain .
- Mengurus kualiti dan prestasi Kementerian mengikut arahan yang berkuatkuasa.
- Memastikan keceriaan, kebersihan dan keselamatan Jabatan dan pelaksanaan Amalan mengikut Pekeliling yang berkuatkuasa.

VISI

Membangunkan modal insan yang cemerlang, berintegriti dan berdaya saing.

MISI

Menerajui pengurusan dan pembangunan sumber manusia dengan memberikan perkhidmatan tadbir urus yang efisyen, efektif dan responsif.

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)

Bahagian Pentadbiran dan Latihan

UNIT SUMBER MANUSIA

1. Membuat laporan kehadiran pegawai dan kakitangan KKTP bagi tempoh 31 hari masa bekerja dengan memeriksa sistem Biotime dan menyemak sistem E-cuti, Keluar Pejabat dan E-pergerakan untuk mengesahkan kehadiran.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Memeriksa Sistem Biotime	ii. Print kehadiran pegawai. iii. Semak kehadiran pegawai setiap hari. iv. Pastikan pegawai ada FAST PRINT masuk dan pulang. v. Pastikan pegawai mesti cukup 9 jam bekerja.
2	Menyemak Sistem E-cuti	ii. Cuti sakit (SWASTA) iii. Cuti sakit (KERAJAAN) iv. Cuti bersalin (BAGI PEGAWAI PEREMPUAN) v. Cuti isteri bersalin (BAGI PEGAWAI LELAKI) vi. Cuti menjaga anak. vii Cuti gantian. viii Cuti tanpa rekod. ix. Gantian cuti rehat.
3	Menyemak Sistem Keluar Pejabat	ii. Cari tarikh.
4	Menyemak Sistem E-Pergerakan	ii. Cari tarikh.
5	Semak kehadiran kakitangan 31 hari masa bekerja pegawai.	i. Keluarkan memo untuk kakitangan tunjuk sebab, ketiadaan masuk kerja, keluar kerja dan ketiadaan FAST PRINT waktu bekerja.
6	Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.	(LAMPIRAN B) ii. Laporan prestasi kehadiran (LAMPIRAN C)

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)
Bahagian Pentadbiran dan Latihan

UNIT SUMBER MANUSIA

2. Memproses Perlantikan dan membuat SM2 Pekerja Sambilan Harian (PSH).

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Proses pelantikan PSH dan mendaftar SM2	i. Membuat surat tawaran lantikan dan penyambungan lantikan (PSH) ii. Daftar dan kemaskini SM2 untuk (PSH). iii. Kira kelayakan cuti tahunan(PSH). iv. Surat dan memo berkenaan (PSH)

3. Memproses pembayaran gaji Pekerja Sambilan Harian (PSH).

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Menyemak Kehadiran PSH	i. Print kehadiran dan semak kehadiran setiap (PSH) ii. Semak masa kehadiran semua (PSH) iii. Pastikan masa mencukup 9 jam bekerja semua (PSH). iv. Pastikan masa in dan out keluar pejabat ada semua (PSH) v. Pastikan lampiran kehadiran kerja lebih masa, kerja luar,semua cuti, krusus dan apa-apa lampiran untuk disertakan semua (PSH).
2	Sistem upah harian	i. Daftar maklumat (PSH) ii. Maklumat kehadiran iii. Maklumat gaji. iv. Laporan gaji.
3	Sistem Maklumat Kehadiran Gaji	i. Daftar masa dalam sistem gaji in/out dan kerja lebih masa semua (PSH)
4	Maklumat gaji	i. Jumlah gaji setiap (psh) ii. Potongan KWSP iii. Potongan Majikan. iv. Pastikan semua jumlah semua betul.
5	Sistem laporan gaji PSH	i. Semak dan kemaskini setiap (PSH) ii. Pengesahan laporan gaji (PSH)
6	Pengesahan lampiran	i. Semua lampiran dan kehadiran perlu pengesahan (SALINAN DISAHKAN BENAR) ii. Membuat 2 salinan selepas disahkan (SALINAN DISAHKAN BENAR).
7	Penyata gaji	i. Print Penyata gaji untuk di edarkan semua (PSH).

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)
Bahagian Pentadbiran dan Latihan

UNIT SUMBER MANUSIA

4. Mengurus pelajar menjalani latihan industri di kementerian kerajaan tempatan dan perumahan.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Surat Lantikan pelajar latihan industri	i. Membuat surat tawaran untuk menjalani latihan industri. ii. Membuat penempatan praktikal. iii. Membalas surat tawaran dan email ke penama dan universiti pelajar. iv. Memberi borang maklumat pekerja skim sangkutan latihan pelajar. v. Memberi borang perakuan untuk ditandatangani.
2	Surat pengesahan pelajar latihan industri	i. Membuat surat pengesahan pelajar menjalani latihan industri ii. Membuat sijil pelajar.
3	Pembayaran elaun pelajar latihan industri	ii. Melengkapkan lampiran untuk pembayaran. iii. Membuat surat memo pembayaran untuk untuk tindakan ke bahagian Akaun.

5. Memproses dokumen untuk tindakan tatatertib terhadap pegawai/kakitangan KKTP.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Menyenaraikan penama yang mempunyai kes tatatertib.	i. Menyemak kehadiran pegawai/kakitangan KKTP dalam tempoh *** untuk dilaporkan dalam mesyuarat tatatertib.

UNIT SUMBER MANUSIA

6. Pengurusan Majlis Bersama Jabatan (MBJ).

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	MBJ pengurusan bersama pekerja.	i. Membuat memo mesyuarat MBJ pengurusan bersama MBJ pekerja. ii. Membuat slaid untuk di bentangkan dalam mesyuarat. iii. Memgambil minit mesyuarat. iv. Membuat minit dan jawapan MBJ.
2	Sistem eMBJ (majlis bersama jabatan)	i. Menghantar minit ke JPANS. ii. Membuat jadual pengelasan dan penyelesaian isu. Membuat maklumbalas mesyuarat majlis bersama jabatan.

7. Menyediakan dan memproses surat menyurat seperti: Pelantikan Baru, Pelanjutan pemangkuan, Kenaikan pangkat, Menanggung kerja, Pengesahan jawatan, Pemberian taraf berpencen, Pelantikan pinjaman.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	menyurat seperti: • Pelantikan Baru • Pelanjutan pemangkuan • Kenaikan pangkat • Menanggung kerja • Pengesahan jawatan • Pemberian taraf berpencen	i. Menerima surat permohonan daripada penama ataupun senarai nama yang telah dipilih dalam minit mesyuarat kenaikan pangkat untuk disyorkan. ii. Menyediakan surat dan menyediakan semua dokumen yang diperlukan untuk dihantar ke setiap Ketua Perkhidmatan masing-masing mengikut skim perkhidmatan. iii. Setelah permohonan tersebut telah diluluskan, penyediaan untuk membuat memo penyampaian kepada penama, menyediakan pelarasan gaji (jika berkaitan) dan dihantar terus ke Bahagian Akaun untuk proses pembayaran dan tindakan selanjutnya.Membuat minit dan jawapan MBJ.

UNIT SUMBER MANUSIA

8. Mengendalikan sistem E-Syor dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri. (Untuk jawatan Departmental Post sahaja)

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Sistem E-Syor	i. Menyediakan surat dan menyediakan semua dokumen yang diperlukan sebelum dihantar terus ke SPAN. ii. Mengisi semua maklumat yang diperlukan dalam sistem E-Syor sebelum disokong oleh Ketua Unit. iii. Setelah Ketua Unit telah menyokong E-Syor tersebut pastikan Ketua Jabatan menyokong permohonan tersebut agar terus sampai ke SPANS.

9. Memproses Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) pegawai/ kakitangan mengikut bulan pergerakan bagi bulan Januari, April, Julai dan Oktober.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Memproses Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) pegawai/ kakitangan mengikut bulan pergerakan bagi bulan Januari, April, Julai dan Oktober.	i. Memastikan agar pegawai/ kakitangan yang diberikan pergerakan gaji layak melalui pencapaian markah prestasi tahunan dan telah diluluskan oleh Ketua Jabatan. ii. Menyenaraikan semua senarai nama mengikut bulan pergerakan gaji dan menyediakan memo penghantaran. iii. Menyediakan slip pergerakan gaji dalam sistem pergerakan gaji tahunan. iv. Menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan. (jika berkaitan) v. Menghantar penyediakan slip untuk diluluskan oleh diferifikasi dan disahkan. vi. Print SPGT tersebut dalam 2 salinan untuk dihantar ke Bahagian Akaun untuk pelarasan semula gaji dan pembayaran kenaikan gaji tersebut

UNIT SUMBER MANUSIA

10. Mengendalikan sistem SPRM eSTK (Sistem Tapisan Keutuhan).

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	sistem SPRM eSTK (Sistem Tapisan Keutuhan).	i. Menyediakan semua dokumen yang diperlukan sebelum mengisi permohonan di sistem eSTK. ii. Memproses permohonan untuk bersara pilihan dan disenaraikan dalam syor kenaikan pangkat. iii. Menghantar permohonan tersebut kepada penyelia iaitu KPSU untuk diluluskan dan dihantar terus ke SPRM. iv. Mengambil masa dalam beberapa hari untuk permohonan tersebut dapat diluluskan.

11. Membuat kaedah penetapan gaji mengikut pekeliling yang dilampirkan bersama-sama untuk menyelesaikan masalah gaji: Kenaikan pangkat, Penyerapan ke jawatan tetap & Pelantikan sementara (Penguatkuasa)

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Membuat kaedah penetapan gaji mengikut pekeliling yang dilampirkan bersama-sama untuk menyelesaikan masalah gaji: • Kenaikan pangkat • Penyerapan ke jawatan tetap • Pelantikan sementara (Penguatkuasa)	i. Menyediakan semua dokumen yang diperlukan sebelum membuat penetapan gaji yang bersesuaian mengikut pekeliling JPAN yang digunapakai pada waktu kini. ii. Memastikan penetapan gaji yang diberikan adalah bersesuaian mengikut kadar penetapan yang telah ditetapkan. iii. Menyediakan memo kepada Bahagian Akaun untuk pembayaran dan pelarasan gaji tersebut.

UNIT SUMBER MANUSIA

12. Mengurus dan mengemaskini Sistem Maklumat Pegawai dan kakitangan KKTP(SM2).

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Mengurus dan mengemaskini Sistem Maklumat Pegawai dan kakitangan KKTP(SM2).	i. Maklumat pegawai/kakitangan dikemaskini dengan betul; ii. Perihal dalam SM2 perlu dikemaskini sepenuhnya.

13. Mengurus Pelantikan Kakitangan Yang Baharu.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Mengurus Pelantikan Kakitangan Yang Baharu.	**Memastikan terlebih dahulu dokumen yang diperlukan lengkap dan teratur:** i. Dokumen **utama** yang diperlukan**:-** • Borang Penerimaan Jawatan; • Surat Akuan Sumpah; • Surat Aku Janji; • Borang Pengisytiharan Harta (3 set); • Pemeriksaan kesihatan; ii. Dokumen lain untuk tujuan Sistem maklumat (SM2) dan Gaji; • Salinan kad pengenalan; • Salinan KWSP; • Salinan Akaun Bank; • Gambar passport 1 keping; • Salinan Sijil Akademik; • Salinan Sijil Kahwin(bagi yang berkahwin); • Salinan Kad Pengenalan diri sendiri/Isteri(jika berkenaan)/Ibu bapa; • Salinan Surat Beranak diri sendiri/Isteri&Anak(jika berkenaan)/Ibu bapa. **Pewujudan Sistem Maklumat (SM2):** iii. Mendapatkan No.pekerja (berhubung pihak JPAN); iv. Memohon pendaftaran email lantikan baharu (berhubung dengan PID Kementerian)**:-** • Berikan nama penuh, no.kad pengenalan, jawatan, gred dan bahagian ditempatkan. v. Kemaskini maklumat yang diperlukan dalam SM2.

UNIT SUMBER MANUSIA

14. Mengurus Pelantikan Politik.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Mengurus Pelantikan Politik.	**Memastikan:** i. Surat Pengesahan lapor diri pegawai/kakitangan daripada Jabatan baharu dan makluman untuk mendapatkan sm2, buku perkhidmatan, dan slip gaji akhir; ii. Kemaskini buku perkhidmatan; iii. Kemaskini SM2; iv. Kemukakan memo ke Bahagian Akaun untuk tujuan pengeluaran slip gaji akhir penama; v. Kemukakan sm2, buku perkhidmatan dan slip gaji akhir penama ke Jabatan baharu untuk tindakan.

15. Memproses pertukaran pegawai/kakitangan.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Memproses pertukaran pegawai/kakitangan antara Kementerian & Jabatan.	**Memastikan:** i. Surat Pengesahan lapor diri pegawai/kakitangan daripada Jabatan baharu dan makluman untuk mendapatkan sm2, buku perkhidmatan, dan slip gaji akhir; ii. Kemaskini buku perkhidmatan; iii. Kemaskini SM2; iv. Kemukakan memo ke Bahagian Akaun untuk tujuan pengeluaran slip gaji akhir penama; v. Kemukakan sm2, buku perkhidmatan dan slip gaji akhir penama ke Jabatan baharu untuk tindakan.
	Mengurus Penempatan / Pertukaran Dalaman Pegawai dan Kakitangan.	**Sekiranya ada Pertukaran / Penempatan:** i. Arahan dari pegawai untuk menyediakan memo penempatan / pertukaran; ii. Sampaikan memo kepada penama yang terlibat; Maklumkan penama untuk membuat Nota Serah Tugas sebagai rujukan kakitangan yang menggantikan tugas.

UNIT SUMBER MANUSIA

16. Memproses dokumen persaraan pegawai. *(Proses mengambil masa dalam 3 hingga 4 bulan dan perlu disiapkan 3 bulan sebelum tarikh persaraan pegawai.)*

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Memproses dokumen persaraan pegawai. *(Proses mengambil masa dalam 3 hingga 4 bulan dan perlu disiapkan 3 bulan sebelum tarikh persaraan pegawai.)*	pangkat, dan sebagainya dan menyediakan salinan dokumen-dokumen itu. b. Dokumen** iii. Memastikan buku perkhidmatan pegawai dikemaskini dan teratur sebelum menyediakan salinan penyata-penyata yang diperlukan. iv. Menyediakan borang-borang untuk dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.; e. Borang ** f. Borang ** vii Setelah dokumen-dokumen dan borang-borang yang diisi telah disemak oleh PPTK(A), jika semua teratur, surat disediakan dan

17. Memproses penebusan Gantian Cuti Rehat (GCR). (Proses mengambil masa dalam 1 minggu lebih.)

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Kakitangan yang akan bersara akan menebus semua simpanan GCR maksimum 180 hari	i. Rekod cuti pesara akan disemak sebelum dihantar kepada pengesah. b. Semakan 1 c. Semakan 2 iv. Pengesah akan menghantar penebusan pesara kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN) untuk disemak semula sebelum diluluskan. v. Setelah diluluskan JPAN, memo akan dihantar kepada bahagian akaun untuk proses pembayaran penebusan GCR pesara.
	Kakitangan yang ingin menebus GCR lebih awal boleh mohon untuk menebus simpanan GCR maksimum 90 hari.	i. Setelah permohonan diluluskan, rekod cuti pemohon akan disemak sebelum dihantar kepada pengesah. a. Semakan 1 b. Semakan 2 ii. Pengesah akan menghantar penebusan pemohon kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN) untuk disemak semula sebelum diluluskan. iii. Setelah diluluskan JPAN, memo akan dihantar kepada bahagian akaun untuk proses pembayaran penebusan GCR pemohon.

UNIT SUMBER MANUSIA

18. Memproses penebusan Gantian Cuti Rehat (GCR). (Proses mengambil masa dalam 1 minggu lebih.)

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Kakitangan yang akan bersara akan menebus semua simpanan GCR maksimum 180 hari	i. Rekod cuti pesara akan disemak sebelum dihantar kepada pengesah. b. Semakan 1 c. Semakan 2 iv. Pengesah akan menghantar penebusan pesara kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN) untuk disemak semula sebelum diluluskan. v. Setelah diluluskan JPAN, memo akan dihantar kepada bahagian akaun untuk proses pembayaran penebusan GCR pesara.
	Kakitangan yang ingin menebus GCR lebih awal boleh mohon untuk menebus simpanan GCR maksimum 90 hari.	i. Setelah permohonan diluluskan, rekod cuti pemohon akan disemak sebelum dihantar kepada pengesah. a. Semakan 1 b. Semakan 2 ii. Pengesah akan menghantar penebusan pemohon kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN) untuk disemak semula sebelum diluluskan. iii. Setelah diluluskan JPAN, memo akan dihantar kepada bahagian akaun untuk proses pembayaran penebusan GCR pemohon.

19. Memproses dokumen perisytiharan harta (Proses mengambil masa dalam 3 bulan.)

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Memproses dokumen perisytiharan harta (Proses mengambil masa dalam 3 bulan.)	i. Mengenalpasti pegawai yang perlu mengemaskini perisytiharan harta setiap 5 tahun dan memberi mereka 3 salinan borang perisytiharan harta (Borang A bagi tiada penambahan harta, dan borang B jika ada sebarang penambahan) untuk diisi by hand setiap salinan. Selain itu, memastikan pegawai baru mengisi borang perisytiharan harta. ii. Setelah pegawai mengembalikan semua borang perisytiharan harta, borang akan disemak sebelum dihantar kepada Setiausaha Tetap untuk ditandantangan dan dihantar kepada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri (SPAN) untuk diproses. iii. Setelah borang diproses oleh pihak SPAN, SM2 pegawai akan dikemaskini dan salinan yang dikembalikan kepada Kementerian akan disimpan ke dalam fail.

UNIT SUMBER MANUSIA

20. Mengurus dan mengemaskini fail peribadi pegawai dan kakitangan KKTP saepanjang tahun.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Mengurus dan mengemaskini fail peribadi pegawai dan kakitangan KKTP saepanjang tahun.	i. Menyediakan fail peribadi untuk kakitangan yang baru berkhidmat atau berpindah ke Kementerian ini. ii. Memasukkan apa-apa surat dan dokumen ke dalam fail peribadi dan memastikan semua dokumen tersebut dikemaskini.

21. Mengurus dan mengemaskini Buku Perkhidmatan (Maklumat gaji/ cuti/ kursus/ Penyata perkhidmatan dll) sepanjang tahun.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Mengurus dan mengemaskini Buku Perkhidmatan (Maklumat gaji/ cuti/ kursus/ Penyata perkhidmatan dll) sepanjang tahun.	i. Mengurus dan mengemaskini Buku Perkhidmatan (Maklumat gaji/ cuti/ kursus/ Penyata perkhidmatan dll sepanjang tahun.

22. Menyemak permohonan kerja lebih masa kakitangan bahagian setiap bulan:-

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	4. Bahagian Pentadbiran dan Latihan (belum memulakan kerja	i.

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)
Bahagian Pentadbiran dan Latihan

UNIT PENTADBIRAN & PENYELENGGARAAN AM

1. Melaksanakan pembayaran bil-bil:-

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	a. PABX b. Elektrik (SESB)	i. Surat-menyurat penyambungan PABX ii. Surat-menyurat tunggakan pembayaran elektrik

2. Memproses pelanjutan Kad Pass masuk kakitangan Tribunal Tuntutan Pembeli Perumahan ke Wisma Tun Fuad Stephens.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Memproses pelanjutan Kad Pass masuk kakitangan Tribunal Tuntutan Pembeli Perumahan ke Wisma Tun Fuad Stephens.	i. Kad akan diperbaharui setiap 6 bulan sekali ii. Peruntukan pembaharuan telah dibekalkan

3. Mengemaskini dan membekalkan tempat letak kenderaan bagi pegawai / kakitangan Kementerian.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Mengemaskini dan membekalkan tempat letak kenderaan bagi pegawai / kakitangan Kementerian	i. Mengemaskini dan membekalkan tempat letak kenderaan pegawai / kakitangan Kementerian yang baru melapor diri mengikut gred (kelayakan pegawai / kakitangan).

UNIT PENTADBIRAN & PENYELENGGARAAN AM

4. Membuat tempahan katering untuk mesyuarat dan mengurus bilik mesyuarat KKTP.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Tempahan Katering (Setiap Minggu)	iv. Membuat surat tempahan makan/minum v. Menyediakan/susun atur dokumen Pesanan Kerajaan (PK) vi. Memanggil pembekal untuk tandatangan PK vii Siapkan beberapa salinan dokumen untuk dihantar ke bahagian akaun. viii Rekod dalam buku Pesanan Kerajaan
2	Tempahan Bilik Mesyuarat (Setiap Minggu)	i. Memo mesyuarat disediakan oleh bahagian masing-masing. ii. Tempahan bilik mesyuarat dinyatakan dalam memo mesyuarat. iii. Rekod dalam sistem/buku/calendar.

UNIT PENTADBIRAN & PENYELENGGARAAN AM

5. Pengurusan Kenderaan Kerajaan/Angkatan Hebat.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Penyelenggaraan Kenderaan	i. Membuat pendaftaran kenderaan dalam sistem ii. Membantu ketua kerani untuk memohon surat kebenaran sebelum melaksanakan penyelenggaraan kenderaan iii. Membantu mengesahkan penyelenggaraan setelah mendapat anggaran pembeikan daripada pihak JKR iv. Membantu ketua kerani mengatur perjalanan kenderaan sekiranya ketua kerani bercuti v. Berhubung dengan wakil PETRON sekiranya terdapat sebarang masalah berkaitan pengisian minyak kenderaan Kerajaan.
2	Tempahan Bilik Mesyuarat (Setiap Minggu)	i. Memo mesyuarat disediakan oleh bahagian masing-masing. ii. Tempahan bilik mesyuarat dinyatakan dalam memo mesyuarat. iii. Rekod dalam sistem/buku/calendar.

6. Melaksanakan tugas-tugas berkaitan khidmat telefon, khidmat penerangan dan khidmat perhubungan pelanggan di peringkat jabatan.

a. Mengendalikan semua panggilan telefon daripada luar dan dalaman yang berurusan dengan jabatan dengan cekap dan berkualiti.
b. Bertanggungjawab untuk melayani pelanggan/tetamu yang berurusan dengan jabatan dari segi pertanyaan pelanggan dan penerangan.
c. Mengendalikan surat masuk daripada jabatan/agensi/NGO dan orang awam.

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)
Bahagian Pentadbiran dan Latihan

UNIT LATIHAN

1. Melaksanakan tugas-tugas berkaitan dengan latihan Kementerian:-

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	a. Latihan b. Kursus c. Seminar d. Persidangan	viiiSurat *Letter of Undertaking* kepada hotel yang terlibat. *Nota:- Jika perbelanjaan bengkel / latihan / kursus melebihi RM20,000.00, maka pemohon perlu mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengecualian Daripada Tatacara Sebutharga / Tender Oleh Kementerian / Jabatan / Agensi. Setelah borang lengkap ditandatangani oleh Jawatankuasa, pemohon perlu mengemukakan surat justifikasi pengecualian ke Kementerian Kewangan Negeri Sabah serta

Bahagian Pentadbiran dan Latihan

UNIT LATIHAN

1. Melaksanakan tugas-tugas berkaitan dengan latihan Kementerian:-

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	*(Sambungan)*	c. Seterusnya dikemukakan kepada KA untuk baki vot d. Seterusnya kemukakan kepada SUT untuk kelulusan • Setelah diluluskan, unit latihan perlu mengisi borang pendaftaran latihan / kursus dan kemukakan kepada Syarikat • Syarikat akan mengeluarkan Surat Tawaran kepada peserta • Penama akan proceed untuk tindakan seterusnya

Bahagian Pentadbiran dan Latihan

UNIT LATIHAN

2. Menyediakan sebut harga untuk kursus/bengkel/Acara rasmi kementerian

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Menyediakan sebut harga untuk kursus/bengkel/Acara rasmi kementerian	i. Menghubungi pihak hotel untuk mendapatkan sebutharga berkaitan acara rasmi kementerian ii. *Tindakan-tindakan sebelum mengadakan acara* iii. Berhubung dengan pihak hotel untuk tujuan pengesahan sekiranya kelulusan telah diperolehi

3. Menyediakan Takwim latihan tahun semasa dan tahun berikutnya serta Perancangan dan bajet program latihan tahun berikutnya
4. Menyediakan Laporan latihan KKTP. (penghujung tahun)

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)
Bahagian Pentadbiran dan Latihan

UNIT ASET DAN STOR

1.Melaksanakan urusan Penyewaan:

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	a. Kenderaan b. Bangunan & tempat parking kenderaan c. Mesin fotostat d. Tempat-tempat acara	vi.Semakan kontrak dokumen kepada PUU viiSetelah PUU bersetuju ,memo Delegation of Powers YB DSP Menteri kepada SUT viiiSUT menandatangani dokumen kontrak ix.Surat kepada syarikat dikeluarkan berkenaan dengan persetujuan kementerian melanjutkan kontrak mesin fotostat dan perjanjian

UNIT ASET DAN STOR

2.Memastikan penyelenggaraan/servis kelengkapan dan peralatan pejabat dilaksanakan mengikut jadual.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Penyelenggaraan: a. Kenderaan b. Mesin Fotostat c. Pest-Control	i. Memastikan kenderaan diselenggara mengikut jadual yang ditetapkan ii. Mesin fotostat hendaklah diselenggara mengikut jadual. Jadual penyelenggaraan telah dikeluarkan kepada syarikat yang telah dilantik iii. Memaklumkan pihak Innoprise berkenaan dengan jadual penyelenggaraan Pest-Control

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)
Bahagian Pentadbiran dan Latihan

UNIT ASET DAN STOR

3. Memeriksa aset alih dan stor, mengemaskini borang-borang KEW-PA untuk aset dan harta modal dan KEW-PS untuk stor serta menyediakan laporan mengikut suku dan laporan Tahunan Aset Alih dan Stor Kerajaan Negeri.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Mendapatkan sebutharga dan pengisian borang pembelian stok bekalan/aset alih.	i. Mendapatkan sebutharga daripada pembekal setelah menerima laporan stok yang berkurang ii. Mengisi borang permohonan pembelian dan memohon kelulusan sebelum pembelian dilaksanakan iii. Memaklumkan pembekal persetujuan penerimaan sebutharga.
2	Memproses penerimaan aset/stok bekalan	i. Memastikan item yang dihantar menepati kriteria yang dipohon ii. Memeriksa bilangan item menepati jumlah yang dipohon iii. Memastikan kesemua maklumat tepat dengan maklumat PK.
3	Mengurus tempahan stok bekalan di Jabatan Cetak	i. Membuat tempahan stok bekalan selepas mendapat laporan stok ii. Memohon kelulusan daripada pegawai pelulus sebelum mengambil stok bekalan yang ditempah iii. Mengambil stok bekalan yang ditempah selepas mendapat kelulusan.
4	a. Mendaftar aset dalam borang KEW.PA-7 b. Merekodkan pergerakan aset/pinjaman aset dalam borang KEW.PA-9 c. Merekodkan inventori dalam borang KEW.PA-11	a. Menyenaraikan Nama Aset Serta No Siri Pendaftaran Yang Digunapakai Oleh Pegawai/Kakitangan. b. “Disahkan Oleh” – Pegawai Yang Bertanggungjawab Ke Atas Aset Alih Berkenaan. c. “Disediakan Oleh” – Pegawai Aset/Pembantu Tadbir Aset. d. Borang KEW.PA-7 Akan Dilekat Ditempat Pegawai Tersebut. e. Dikemas Kini Apabila Terdapat Perubahan Kuantiti, Lokasi Atau Pegawai Bertanggungjawab.

UNIT ASET DAN STOR

3. Memeriksa aset alih dan stor, mengemaskini borang-borang KEW-PA untuk aset dan harta modal dan KEW-PS untuk stor serta menyediakan laporan mengikut suku dan laporan Tahunan Aset Alih dan Stor Kerajaan Negeri.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
	b. Merekodkan pergerakan aset/pinjaman aset dalam borang KEW.PA-9 c. Merekodkan inventori dalam borang KEW.PA-11	c. Permohonan Diluluskan Oleh Pegawai Aset d. Ditandangani Oleh Peminjam/Penerima a. Borang Kewpa Dilekatkan Ditempat Penempatan Aset Tersebut. iii) **Borang KEW.PA-11:**
5	dalam borang KEW.PS-1. b)Memastikan semua pengeluaran stok direkod dan dikemaskini dalam borang KEW.PS-3 dan KEW.PS-4. c)Membuat laporan kedudukan stok	∘ Perihal stok ∘ Kuantiti ∘ Tandatangan Pemohon berserta nama, jawatan dan tarikh. ∘ Tandatangan Pemohon berserta nama, jawatan dan tarikh. ∘ Tandatangan pada perakuan penerimaan(sebagai pengesahan bahawa stok telah diterima.

UNIT ASET DAN STOR

3. Memeriksa aset alih dan stor, mengemaskini borang-borang KEW-PA untuk aset dan harta modal dan KEW-PS untuk stor serta menyediakan laporan mengikut suku dan laporan Tahunan Aset Alih dan Stor Kerajaan Negeri.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
	b)Memastikan semua pengeluaran stok direkod dan dikemaskini dalam borang KEW.PS-3 dan KEW.PS-4. c)Membuat laporan kedudukan stok	d) Semua Kad Kawalan Stok dan Kad Petak perlu hendaklah dikemaskini setiap kali Transaksi penerimaan dan pengeluaran. e) Senarai Kad Kawalan Stok (KEW.PS-5) perlu disediakan. (iii) Merekodkan borang **KEW.PS-7 (Borang terima Barang-barang):** a. Proses penerimaan barang :

UNIT ASET DAN STOR

3. Memeriksa aset alih dan stor, mengemaskini borang-borang KEW-PA untuk aset dan harta modal dan KEW-PS untuk stor serta menyediakan laporan mengikut suku dan laporan Tahunan Aset Alih dan Stor Kerajaan Negeri.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
	b)Memastikan semua pengeluaran stok direkod dan dikemaskini dalam borang KEW.PS-3 dan KEW.PS-4. c)Membuat laporan kedudukan stok	• Tarikh. • Perihal Barang-barang. • Unit Pengukuran. • Kuantiti dipesan dan diterima.

UNIT ASET DAN STOR

3. Memeriksa aset alih dan stor, mengemaskini borang-borang KEW-PA untuk aset dan harta modal dan KEW-PS untuk stor serta menyediakan laporan mengikut suku dan laporan Tahunan Aset Alih dan Stor Kerajaan Negeri.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
6	Menyediakan Laporan Untuk Mesyuarat JKPAK	ii. Menyediakan laporan pemeriksaan selepas pemeriksaan aset dijalankan untuk tujuan pelaporan ke mesyuarat (KEW.PA-12) iii. Menyediakan laporan jumlah penyelenggaraan yang dilaksanakan setiap suku tahun (KEW.PA-16) iv. Menyediakan laporan sekiranya terdapat pindahan aset (KEW.PA-18) v. Menyediakan laporan pelupusan aset kementerian (KEW.PA-32) vi. Menyediakan laporan hapus kira (KEW.PA-37) sekiranya ada laporan untuk dikemukakan

4. Menyediakan, melengkapkan dan mengemaskini sistem S2A.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Membuat Pendaftaran Aset Dalam Sistem S2A	i. Mengisi maklumat dengan betul dan lengkap dalam KEW.PA-1 ii. Membuat pendaftaran aset mengikut maklumat dalam PK/INVOIS iii. Melekat/menulis label nombor pendaftaran aset selepas selesai pendaftaran dilakukan iv. Mengagihkan aset ke tempat yang didaftarkan dalam penempatan aset

UNIT ASET DAN STOR

5. Melaksanakan urusan pelupusan dan pembelian kenderaan Kementerian.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Melaksanakan urusan pelupusan kenderaan Kementerian.	i. Kementerian akan buat surat Permohonan Kebolehkhidmatan Kenderaan kepada JKR. ii. JKR akan keluarkan surat PEP sekiranya kenderaan tersebut boleh dilupuskan. iii. Kementerian akan buat surat Permohonan Pelupusan Kenderaan kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah disertakan bersama:- a. Surat daripada JKR b. Sijil Perakuan Pelupusan (PEP) c. KEW.PA-21 iv. Pihak MOF akan datang ke Kementerian untuk menilai kenderaan dan MOF akan keluarkan surat ke KKTP iaitu surat Perakuan Pelupusan sekiranya kenderaan tersebut layak dilupuskan.
2	Melaksanakan urusan pembelian kenderaan Kementerian	i. KKTP akan mohon pembelian kenderaan ke MOF. Disertakan bersama jika kakitangan Kementerian berminat untuk membeli kenderaan tersebut:- a. Surat permohonan pembelian kenderaan daripada pembeli; b. Salinan kad pengenalan; c. Salinan surat pengesahan bebas daripada tindakan tatatertib; d. Salinan surat pengesahan penama tidak menanggung beban hutang yang berat; e. Salinan surat pengesahan penama belum pernah diberi kelulusan membeli kenderaan kerajaan f. Surat kelulusan permohonan pelupusan aset alih kerajaan daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah; g. Gambar kenderaan; h. Kilometer kenderaan; i. Salinan kad kenderaan; dan j. KEW.PA-2

UNIT ASET DAN STOR

5. Melaksanakan urusan pelupusan dan pembelian kenderaan Kementerian.

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
	Melaksanakan urusan pembelian kenderaan Kementerian *(Sambungan)*	i. MOF akan buat surat ke JKR dan sertakan lampiran seperti tersebut di atas dan s.k kepada Kementerian untuk makluman. ii. JKR akan keluarkan surat tawaran kepada penama iii. Penama akan urus pembayaran dan mengemukakan resit kepada bahagian Pentadbiran dan Latihan untuk tindakan selanjutnya iv. Bahagian Pentadbiran dan Latihan akan buat surat pemakluman ke MOF setelah proses selesai dan sekaligus memohon penggantian bagi kenderaan yang dilupuskan dengan mengemukakan bersama:- a. Salinan sijil pelupusan aset alih kerajaan (KEW.PA-23); dan b. Salinan resit pembayaran bagi kenderaan berkenaan.

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)
Bahagian Pentadbiran dan Latihan

UNIT FAIL DAN REKOD

Bil.	Prosedur Kerja	Aliran Kerja
1	Menerima surat daripada pejabat S.U.T	i. Semua surat atau dokumen akan direkod di buku rekod daftar ii. Semua surat atau dokumen akan diteliti terlebih dahulu sebelum pengagihan kepada setiap kerani fail mengikut kesesuaian fail yang dipegang.
2	Agihan Surat	i. Surat-surat yang telah diteliti akan diberi kepada Kerani Fail ii. Surat atau dokumen yang mempunyai arahan di nota bidai akan dimasukkan ke dalam fail yang bersesuaian untuk di doket sebelum dihantar keluar kepada pegawai yang terlibat. iii. Surat yang telah diambil tindakan akan didoket dan dimasukkan semula ke dalam rak.
3	Penghantaran Fail	i. Surat atau dokumen yang telah selesai dimasukkan dan didoket ke dalam fail akan dihantar kepada pegawai yang terlibat. ii. Setiap fail yang keluar akan direkod pada kad Entri untuk tujuan pengesahan. iii. Fail-fail **sulit** hendaklah disimpan di dalam bag semasa proses penghantaran untuk mengelakkan terdedah kepada orang awam.
4	Penerimaan Fail	i. Fail yang dihantar semula ke Unit Fail & Rekod setelah selesai diambil tindakan akan disemak terlebih dahulu ii. Surat atau dokumen baharu yang belum didoket akan terus didoket oleh Kerani Fail.
5	Penyimpanan Fail	i. Fail yang telah selesai diambil tindakan akan disemak oleh setiap kerani fail sebelum menyimpan semula ke dalam kabinet fail ii. Fail telah disemak akan disimpan di kabinet fail mengikut kod rujukan yang ditetapkan.
6	Pembukaan Fail Baharu	i. Jilid baharu fail akan dibuka apabila ketebalan fail mencapai ketebalan maksimum iaitu 1 inci tebal ii. Jika terdapat surat yang tidak sesuai dimasukkan ke dalam fail sedia ada, fail baharu akan dibuka mengikut kesesuaian Sistem *Fail House Keeping*.



Sektor Pengurusan Organisasi dan Khidmat Sokongan

Bahagian Akaun

PENGENALAN

Bahagian Akaun adalah satu daripada beberapa Bahagian di dalam Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan yang diwujudkan untuk menerajui pentadbiran perakaunan. Bahagian ini diketuai oleh seorang Akauntan Kanan, Skel W.2 dengan dibantu oleh seorang Akauntan, Skel W.3, seorang Penolong Akauntan, Skel W.5, dua orang Penolong Akauntan, Skel W.6 dan lima orang kakitangan sokongan.

FUNGSI UTAMA

Bahagian Pentadbiran dan Latihan menyediakan perkhidmatan berikut:
Mengurus sumber manusia dan pembangunan organisasi seperti urusan pengambilan kakitangan, penstrukturan semula organisasi, pertukaran kakitangan, syor-syor perjawatan, latihan, kursus dan tatatertib.

- Mengurus Aset & Inventori.
- Menyelaras sistem rekod fail Kementerian.
- Mengurus tempahan dan bil-bil pembayaran.
- Menyediakan pengurusan pengangkutan Kementerian.
- Menguruskan penerimaan/penghantaran dokumen dan surat menyurat Jabatan .
- Menyediakan perkhidmatan khidmat pelanggan Kementerian.
- Urusetia Mesyuarat Pengurusan Kementerian, Tatatertib, Mesyuarat Sambutan perayaan Rasmi dan lain-lain .
- Mengurus kualiti dan prestasi Kementerian mengikut arahan yang berkuatkuasa.
- Memastikan keceriaan, kebersihan dan keselamatan Jabatan dan pelaksanaan Amalan mengikut Pekeliling yang berkuatkuasa.

OBJEKTIF

Objektif Bahagian Akaun adalah untuk mewujudkan dan mengendalikan suatu sistem perakaunan yang sempurna dan berkesan, mengawal perbelanjaan Kementerian dan Pihak Berkuasa Tempatan, memproses baucar bayaran terhadap perkhidmatan dan pembelian, dan menasihati pihak berkuasa tempatan (PBT) mengenai pelaksanaan tatacara kewangan dan perakaunan.

PROSES KERJA

TUGAS 1: MENYEMAK DAN MENGKAJI SEMULA ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Bil.	Proses Kerja	Pegawai yang meluluskan/dirujuk	Seksyen Undang-undang
1	Menerima Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahunan daripada PBT.	Menteri/ Setiausaha Tetap/ Akauntan	Financial Instructions For Local Authorities Sabah (FILAS)
2	Dapatkan fail untuk setiap PBT daripada Bahagian Pentadbiran.		
3	Menyemak, meneliti dan menentukan; a) Anggaran Bantuan Kapital telah mendapat kelulusan. b) Kepala dan pecahan sama dengan perbelanjaan. c) Anggaran tahun sebelumnya adalah sama dengan anggaran tahun sebelumnya yang telah diluluskan oleh Datuk Menteri. d) Jumlah yang dipohon bagi setiap perbelanjaan adalah berpatutan.		Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961
4			
5	Minitkan untuk kelulusan Menteri dan Setiausaha Tetap, KKTP. Menghantar anggaran yang diluluskan kepada Akauntan KKTP, PBT dan Jabatan Cetak Kerajaan untuk dibukukan.		

PROSES KERJA

TUGAS 2: MENYEMAK DAN MENGKAJI PERMOHONAN TAMBAHAN DAN PINDAHAN PERUNTUKAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Bil.	Proses Kerja	Pegawai yang meluluskan/dirujuk	Seksyen Undang-undang
1	Terima borang permohonan peruntukan tambahan daripada PBT.	Menteri/ Setiausaha Tetap/ Akauntan	Financial Instructions For Local Authorities Sabah (FILAS) Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961 Arahan Perbendaharaan
2	Hantar kepada Bahagian Fail untuk rekod.		
3	Menyemak dan memastikan bahawa; a) Permohonan telah diluluskan dalam mesyuarat majlis dan minit mesyuarat disertakan. b) Penyata Harta dan Tanggungan dikepilkan bersama. c) Borang ASP lengkap dan teratur.		
4			
5	Minitkan untuk kelulusan Menteri dan Setiausaha Tetap, KKTP. Kemukakan kelulusan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan.		

PROSES KERJA

TUGAS 3: MENYEMAK DAN MEMASTIKAN SALINAN PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT DIHANTAR KEPADA SETIAUSAHA SULIT T.Y.T YANG DIPERTUA NEGERI SABAH DAN JABATAN CETAK

Bil.	Proses Kerja	Pegawai yang meluluskan/dirujuk	Seksyen Undang-undang
1	Menerima empat (4) Salinan Sijil Penyata Kewangan Beraudit daripada PBT	Akauntan	Financial Instructions For Local Authorities Sabah (FILAS)
2	Menghantar dokumen ke Bahagian Pentadbiran untuk difailkan		Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961
3	Terima fail daripada Bahagian Pentadbiran		
4	Menyerahkan fail dan dokumen kepada Pembantu Tadbir (P/O) di Bahagian Akaun untuk proses penghantaraan		

PROSES KERJA

TUGAS 4: MENJALANKAN PEMERIKSAAN DAN LAWATAN DI BAHAGIAN AKAUN PBT

Bil.	Proses Kerja	Pegawai yang meluluskan/dirujuk	Seksyen Undang-undang
1	Menerima arahan Ketua Akauntan untuk membuat pengauditan di PBT.	Setiausaha Tetap	Financial Instructions For Local Authorities Sabah (FILAS) Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961 Arahan Perbendaharaan
2	Mengemukakan notis lawatan kepada Setiausaha Tetap untuk kelulusan keluar daerah.		
3	Membuat pemeriksaan di PBT bagi; a) Kaunter pungutan hasil di kaunter b) Tunggakan Hasil c) Baucar-baucar pembayaran PBT d) Anggaran Hasil dan Perbelanjaan e) Peruntukan Tambahan (ASP) f) Wang cagaran		
4	Membuat sesi *'exit confrence'* selepas pemeriksaan selesai.		
5	Kemukakan laporan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan.		

PROSES KERJA

TUGAS 5: MENYEMAK DAN MEMPROSES BAUCAR BAYARAN YANG DIBIAYAI OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI PBT

Bil.	Proses Kerja	Pegawai yang meluluskan/dirujuk	Seksyen Undang-undang
1	Semak berdasarkan waran peruntukan yang diterima daripada Jabatan Kerajaan Tempatan	Akauntan	Arahan Perbendaharaan.
2	Menerima dokumen tuntutan bayaran daripada PBT		Pekeliling perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa.
3	Memperaku bayaran jika dokumen tuntutan teratur		
4	Membuat teguran kepada PBT jika dokumen tuntutan tidak teratur		

PROSES KERJA

TUGAS 6: MENYEDIA DAN MENGEMUKAKAN LAPORAN BULANAN AGIHAN PERBELANJAAN KEPADA KETUA AKAUNTAN DAN AKAUNTAN MELALUI E-MAIL

Bil.	Proses Kerja	Pegawai yang meluluskan/dirujuk	Seksyen Undang-undang
1	Menyediakan Laporan Bulanan pada setiap minggu pertama bulan berikut	Ketua Akauntan/Akauntan	Arahan Perbendaharaan.
2	Menghantar Laporan yang telah disediakan melalui *e-Mail* kepada Ketua Akauntan dan Akauntan		Pekeliling perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa.

PROSES KERJA

TUGAS 7: MENYEMAK, MENYEDIAKAN DAN MEMPROSES TUNTUTAN PEMBERIAN DARIPADA PBT

Bil.	Proses Kerja	Pegawai yang meluluskan/dirujuk	Seksyen Undang-undang
1	Menerima dokumen tuntutan daripada PBT	Menteri/ Setiausaha Tetap/ Akauntan	Financial Instructions For Local Authorities Sabah (FILAS) Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961 Arahan Perbendaharaan
2	Dapatkan fail untuk setiap PBT daripada Bahagian Pentadbiran.		
3	Proses tuntutan bersama dokumen sokongan yang telah lengkap mengikut agihan peruntukan.		
4	Minitkan untuk kelulusan Menteri dan Setiausaha Tetap, KKTP.		
5	Terima kelulusan dan proses baucar pembayaran.		
6	Hantar baucar ke Jabatan Bendahari Negeri untuk proses pembayaran.		

PROSES KERJA

TUGAS 8: MEMANTAU LAPORAN AKAUN DEPOSIT UNTUK PERUNTUKAN PERSEKUTUAN

Bil.	Proses Kerja	Pegawai yang meluluskan/dirujuk	Seksyen Undang-undang
1	Membuat penyesuaian berdasarkan perbelanjaan dan Bon pelaksanaan yang berkaitan	Akauntan	Arahan Perbendaharaan. Pekeliling perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa.
2	Menyediakan a) Lampiran N(A) b) Lampiran N(B)		
3	c) Senarai Pendeposit		
4	Laporan yang siap dibuat dan ditandatangani hendaklah dihantar ke Jabatan Akauntan Negara Cawangan Kota Kinabalu		

PROSES KERJA

TUGAS 9: MENYUSUL MAKLUM BALAS KE ATAS LAPORAN AUDIT "AUDIT HEARING"

Bil.	Proses Kerja	Pegawai yang meluluskan/dirujuk	Seksyen Undang-undang
1	Menghadiri mesyuarat penutupan pengauditan penyata kewangan tahunan PBT	Ketua Akauntan/Akauntan	Arahan Perbendaharaan. Financial Instructions For Local Authorities Sabah (FILAS) Pekeliling perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa.
2	Memberi nasihat atau komen kepada isu-isu pengauditan semasa mesyuarat yang melibatkan tindakan KKTP		

PROSES KERJA

TUGAS 10: MENYEMAK DAN MEREKOD PENYERAHAN PENYESUAIAN AKAUN PBT

Bil.	Proses Kerja	Pegawai yang meluluskan/dirujuk	Seksyen Undang-undang
1	Menerima dan menyemak Penyesuaian akaun daripada PBT	Akauntan	Arahan Perbendaharaan. Financial Instructions For Local Authorities Sabah (FILAS) Pekeliling perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa.
2	Hantar kepada Pembantu Tadbir (P/O) Bahagian Akaun untuk dimasukkan ke dalam fail PBT masing-masing		

PROSES KERJA

TUGAS 9: MENYUSUL MAKLUM BALAS KE ATAS LAPORAN AUDIT "AUDIT HEARING"

Bil.	Proses Kerja	Pegawai yang meluluskan/dirujuk	Seksyen Undang-undang
1	Menghadiri mesyuarat penutupan pengauditan penyata kewangan tahunan PBT	Ketua Akauntan/Akauntan	Arahan Perbendaharaan.
2	Memberi nasihat atau komen kepada isu-isu pengauditan semasa mesyuarat yang melibatkan tindakan KKTP		Financial Instructions For Local Authorities Sabah (FILAS) Pekeliling perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa.

PROSES KERJA

TUGAS 10: MENYEMAK DAN MEREKOD PENYERAHAN PENYESUAIAN AKAUN PBT

Bil.	Proses Kerja	Pegawai yang meluluskan/dirujuk	Seksyen Undang-undang
1	Menerima dan menyemak Penyesuaian akaun daripada PBT	Akauntan	Arahan Perbendaharaan.
2	Hantar kepada Pembantu Tadbir (P/O) Bahagian Akaun untuk dimasukkan ke dalam fail PBT masing-masing		Financial Instructions For Local Authorities Sabah (FILAS) Pekeliling perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa.

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)

Bahagian Akaun

PROSES KERJA

Menyemak Draft Anggaran Tahunan 25 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang disediakan oleh Penolong Akauntam untuk kelulusan YBhg Tuan Setiausaha Tetap dan YB DSP Menteri Kerajaan Tempatan.

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUS/DIRUJUK	UNDANG-UNDANG
1.	Menerima Anggaran Hasil & Perbelanjaan Tahunan daripada PBT.	Pembantu Operasi	- Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan - Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961
2.	Dapatkan fail untuk setiap PBT daripada bahagian pentadbiran.	Pembantu Tadbir (Bahagian Fail)	
3.	Menyemak, meneliti dan menentukan: a) Anggaran Bantuan Kapital telah mendapat kelulusan b) Kepala dan Pecahan sama dengan perbelanjaan c) Anggaran tahun sebelumnya adalah sama dengan anggaran tahunnya yang telah diluluskan oleh Datuk Menteri d) Jumlah yang dipohon bagi setiap perbelanjaan adalah berpatutan	Penolong Akauntan	
4.	Kemaskini pembetulan dan cetak semula salinan anggaran	Penolong Akauntan	
5	Sediakan draft Minit kelulusan dan anggaran yang telah dikemaskini untuk semakan.	Akauntan /Penolong Akauntan	
6.	Minit untuk kelulusan	Menteri, Setiausaha Tetap Dan Ketua Akuntan	
7.	Menyediakan surat kelulusan anggaran kepada PBT dan Jabatan Cetak Kerajaan untuk	Penolong Akauntan	
8.	dibukukan. Serahkan semua dokumen yang lengkap kepada Pembantu Operasi untuk di daftar dalam buku penyerahan PBT dan maklumkan PBT untuk mengambil Surat kelulusan serta dokumen sokongan di Kaunter Bahagian Akaun.	Penolong Akauntan & Pembantu Operasi	

PROSES KERJA

Menyemak dan Mengkaji Permohonan Peruntukan Tambahan (ASP) dan Pindahan Peruntukan (ARA) untuk 25 PBT untuk tujuan Kelulusan

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUS/DIRUJUK	UNDANG-UNDANG
1.	Menerima Borang Permohonan ASP/ARA daripada PBT.	Pembantu Operasi	- Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan - Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961
2.	Dapatkan fail untuk setiap PBT yang memohon daripada bahagian pentadbiran.	Pembantu Tadbir (Bahagian Fail)	
3.	Menyemak, meneliti dan menentukan: a) Permohonan telah diluluskan dalam mesyuarat Majlis dan Minit Mesyuarat disertakan b) Penyata Kewangan Dikepilkan bersama c) Borang ASP/ARA lengkap dan teratur	Penolong Akauntan	
4.	Sediakan draft Minit kelulusan dan semua borang permohonan untuk semakan.	Akauntan /Penolong Akauntan	
5	Minit untuk kelulusan	Menteri, Setiausaha Tetap Dan Ketua Akuntan	
6.	Menyediakan surat kelulusan serta Borang ASP/ARA untuk diserahkan kembali kepada PBT	Setiausaha Tetap, Ketua Akauntan, Akauntan dan Penolong Akauntan	
7.	Serahkan semua dokumen yang lengkap kepada Pembantu Operasi untuk di daftar dalam buku penyerahan PBT dan maklumkan PBT untuk mengambil Surat kelulusan serta dokumen sokongan di Kaunter Bahagian Akaun.	Penolong Akauntan & Pembantu Operasi	

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)

Bahagian Akaun

PROSES KERJA

Menyemak dan menandatangani baucar bayaran untuk projek-projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUS/DIRUJUK	UNDANG-UNDANG
1.	Menerima dokumen tuntutan daripada PBT	Pembantu Operasi	- Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa - Arahan Perbendaharaan - Perintah Am
2.	Dapatkan fail untuk setiap projek mengikut PBT daripada bahagian pentadbiran pembangunan.	Pembantu Tadbir (Bahagian Fail Pembangunan)	
3.	Menyemak, meneliti dan memastikan semua dokumen tuntutan lengkap dan teratur: a) Menyemak salinan dokumen telah disahkan benar b) Menyemak tuntuan selaras dengan senarai semak c) Menyemak kepatuhan lesen d) Menyemak Buku Kontrak e) Menyemak BQ yang disertakan	Penolong Akauntan	
4.	Sediakan draft Minit Kelulusan	Akauntan /Penolong Akauntan	
5	Setiausaha Tetap untuk semakan	Setiausaha Tetap Dan Ketua Akuntan	
6.	Minit untuk kelulusan	Penolong Akauntan/ Pembantu Tadbir Kew.	
7.	Sediakan draft baucar bayaran dalam sistem S3P. Menerima baucar bersama dokumen sokongan daripada kerani Vot untuk semakan: a) Amaun yang dituntut adalah betul dalam baucar b) Semak Nama Penerima dan No. Akaun Bank c) Semak vot dan objek lanjut yang didaftarkan	Penolong Akauntan	
8.	Setelah semua mematuhi, initial dan serah kepada Pemarap 1	Akauntan	
9.	Semak semua ruangan penyemakan dan pengesahan di dalam baucar telah ditandatangan ringkas. Semakan semula semua dokumen dan baucar sebelum menandatangan baucar (Parap 1) serta meluluskan dalam sistem S3P -Sekiranya semua teratur serahkan kepada Pemarap II	Ketua Akauntan	
10.	Semak semua ruangan penyemakan dan pengesahan di dalam baucar telah ditandatangan ringkas. Semakan semula semua dokumen dan baucar sebelum menandatangan baucar (Parap 2) serta meluluskan dalam sistem S3P -Sekiranya semua teratur serahkan semula kepada Penyemak	Penolong Akauntan	
11.	Pegawai penyemak akan memuktamatkan penyemakan untuk semua dokumen dan baucar bayaran am dan asingkan salinan ke 4. Kerani Vot akan mencetak slip penghantaran ke JBNS dan akan serah kepada Pembantu Operasi untuk hantar ke Jabatan Bendahari.	Pembantu Tadbir Kew. /Pembantu Operasi	

Bahagian Akaun

PROSES KERJA

Menyemak dan menandatangani baucar bayaran am yang melibatkan tuntutan-tuntutan elaun penggangkutan dan perjalanan, kemudahan dan bayaran semasa berkursus dan bertugas rasmi (T&T)

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUS/DIRUJUK	UNDANG-UNDANG
1.	Menerima dokumen tuntutan daripada kakitangan Kementerian	Pembantu Operasi	- Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa - Arahan Perbendaharaan - Perintah Am
2.	Menyemak, meneliti dan memastikan semua dokumen tuntutan lengkap dan teratur: a) Menyemak salinan dokumen telah disahkan benar b) Menyemak tuntuan selaras dengan senarai semak c) Menyemak Kiraan hari setiap perjalanan d) Menyemak kelayakan pegawai e) Menyemak borang JBN.01	Pembantu Tadbir Kew.1	
3.	*Sekiranya ada teguran (surat teguran akan dikeluarkan)	Pembantu Tadbir Kew.2	
4.	Sediakan draft baucar bayaran dalam sistem S3P dan jadualkan. Menerima baucar bersama dokumen sokongan daripada kerani Vot untuk semakan: a) Semak langkah kedua diatas b) Semak amaun yang dituntut adalah betul dan sama dalam baucar c) Semak Nama Penerima dan No. Akaun Bank d) Semak vot dan objek lanjut yang didaftarkan Setelah semua mematuhi, initial dan serah kepada Pemarap 1	Pembantu Tadbir Kew.1	
5.		Penolong Kanan Akauntan	
9.	Semak semua ruangan penyemakan dan pengesahan di dalam baucar telah ditandatangan ringkas. Semakan semula semua dokumen dan baucar sebelum menandatangan baucar (Parap 1) serta meluluskan dalam sistem S3P -Sekiranya semua teratur serahkan kepada Pemarap II	Ketua Akauntan	
10.	Semak semua ruangan penyemakan dan pengesahan di dalam baucar telah ditandatangan ringkas. Semakan semula semua dokumen dan baucar sebelum menandatangan baucar (Parap 2) serta meluluskan dalam sistem S3P -Sekiranya semua teratur serahkan semula kepada Penyemak	Penolong Akauntan	
11.	Pegawai penyemak akan memuktamatkan penyemakan untuk semua dokumen dan baucar bayaran am dan asingkan salinan ke 4. Kerani Vot akan mencetak slip penghantaran ke JBNS dan akan serah kepada Pembantu Operasi untuk hantar ke Jabatan Bendahari.	Pembantu Tadbir Kew. /Pembantu Operasi	

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)
Bahagian Akaun

PROSES KERJA

Menyemak dan menandatangani baucar bayaran am yang melibatkan tuntutan Pesanan Kerajaan/Waran Udara

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUS/DIRUJUK	UNDANG-UNDANG
1.	Menerima dokumen tuntutan daripada bahagian pentadbiran	Pembantu Operasi	- Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa - Arahan Perbendaharaan - Perintah Am
2.	Daftarkan tuntutan dalam sistem daftar Bil dan cop terima	Pembantu Operasi	
3	Menyemak, meneliti dan memastikan semua dokumen tuntutan lengkap dan teratur: a) Menyemak salinan dokumen telah disahkan benar b) Menyemak tuntuan selaras dengan senarai semak c) Menyemak Pesanan Kerajaan / waran udara selaras dengan invois yang diterima d) Menyemak peruntukan sekiranya tersedia	Pembantu Tadbir Kew.1	
4.	*Sekiranya ada teguran (surat teguran akan dikeluarkan)	Pembantu Tadbir Kew.2	
5.	Sediakan draft baucar bayaran dalam sistem S3P dan jadualkan. Menerima baucar bersama dokumen sokongan daripada kerani Vot untuk semakan: a) Semak langkah kedua diatas b) Semak amaun yang dituntut adalah betul dan sama dalam baucar c) Semak Nama Penerima dan No. Akaun Bank d) Semak vot dan objek lanjut yang didaftarkan	Penolong Kanan Akauntan/Pembantu Tadbir Kew.1	
6.	Setelah semua mematuhi, initial dan serah kepada Pemarap 1	Akauntan/ Penolong Kanan Akauntan	
7.	Semak semua ruangan penyemakan dan pengesahan di dalam baucar telah ditandatangan ringkas. Semakan semula semua dokumen dan baucar sebelum menandatangan baucar (Parap 1) serta meluluskan dalam sistem S3P -Sekiranya semua teratur serahkan kepada Pemarap II	Ketua Akauntan/ Akauntan	
8.	Semak semua ruangan penyemakan dan pengesahan di dalam baucar telah ditandatangan ringkas. Semakan semula semua dokumen dan baucar sebelum menandatangan baucar (Parap 2) serta meluluskan dalam sistem S3P -Sekiranya semua teratur serahkan semula kepada pegawai Penyemak Pegawai penyemak akan memastikan penyemakan terakhir untuk semua dokumen dan baucar bayaran am lengkap dan teratur serta asingkan salinan ke 4.	Penolong Kanan Akauntan/Pembantu Tadbir Kew.1	
9.	- Semak dan kemaskini dalam sistem daftar Bil -Sekiranya semua teratur baucar lengkap akan diserahkan kepada pegawai Pelulus tuntutan.	Ketua Akauntan/ Akauntan	
10.	Pegawai Pelulus akan menyemak dokumen tuntutan yang lengkap dan teratur untuk kelulusan. -Menyemak dan meluluskan baucar bayaran dalam sistem S3P Kerani Vot akan mencetak slip penghantaran ke JBNS dan akan serah kepada Pembantu Operasi untuk hantar ke Jabatan Bendahari.	Pembantu Tadbir Kew.2 /Pembantu Operasi	

PROSES KERJA

TUGAS : MENYEMAK PEMBAYARAN TUNTUTAN GRANT IN AID, CARUMAN MEMBERI KADAR DAN CARUMAN PEMELIHARAAN HALAMAN

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN / DIRUJUK	RUJUKAN PERATURAN
1	Terima surat tuntutan GIA, CMK ,CPH dan dokumen lain.	1. Setiausaha Tetap 2. Ketua Akauntan	Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan
2	Semak dan patikan bahawa: a) Jumlah Kiraan tuntutan adalah betul b) Salinan Akaun beraudit dikemukakan dalam 2 salinan bagi tuntutan GIA,CMK dan CPH (yang telah disahkan oleh jabatan tanah dan ukur) c) Salinan-salinan sijil akaun beraudit yang telah disahkan benar oleh pegawai PBT		
3	Bagi tuntutan GIA yang mempunyai "Defisit" mesti disediakan dengan Lampiran A untuk Balancing.		Rujuk surat pekeliling KKT&P:604/1/17/1/V/(252) bth 11/08/1987
4	Grant		
5	Minit Kepada Ketua Akauntan untuk dapatkan kelulusan pembayaran daripada SUT		

PROSES KERJA

TAJUK : MENYEMAK PEMBAYARAN TUNTUTAN PROJEK LPPB

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN / DIRUJUK	RUJUKAN PERATURAN
1	Terima surat tuntutan dengan dokumen sokongan / buku kontrak	1. Setiausaha Tetap 2. Ketua Akauntan	Arahan Perbendaharaan
2	Hantar kepada Bahagian Fail (Sulit) untuk rekod ke dalam fail berkenaan		
3	Terima fail tuntutan yang berkenaan		
4	Semak semua dokumen sokongan disahkan dan teratur		
5	Pastikan bahawa a) Jumlah tuntutan adalah betul b) Sijil pembayaran teratur c) Penyata kerja-kerja di sediakan dengan teratur		
6	Minit kepada Ketua Akauntan untuk kelulusan pembayaran oleh SUT jika teratur.		

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)
Bahagian Akaun

PROSES KERJA

TUGAS : PENGELUARAN PINJAMAN /WANG ANSURAN PROJEK PAKR LPPB

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN / DIRUJUK	RUJUKAN PERATURAN
1	Menerima surat LPPB menyatakan permohonan pengeluaran pinjaman / wang ansuran	1. Setiausaha Tetap 2. Ketua Akauntan	
2	Semak laporan yang disertakan seperi berikut adalah teratur dan telah disahkan benar a) Jadual notis pengeluaran pinjaman b) Laporan Kemajuan projek c) Appendix 1 d) Appendix 2 e) Appendix 3 f) Senarai pembayaran / salinan baucar		
3	Deraf surat sokongan tentang permohonan untuk ditandatangani oleh SUT		
	JIKA PERMOHONAN TELAH DILULUSKAN OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN :		
1	Terima surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan		
2	Hantar ke Bahagian Fail untuk rekod		
3	Semak jumlah pengeluaran betul dan notis pengeluaran yang dikemukakan adalah teratur.		
4	Sediakan baucar bayaran (L)		
5	Sediakan baucar jurnal untuk penyelarasan kod Akaun Amanah (K) dan Pembangunan (D)		
6	Pastikan kod pinjaman (L) adalah betul dengan pengesahan daripada Bahagian Akaun Awam , Jabatan Bendahari Negeri Sabah.		

PROSES KERJA

TUGAS : MENYEMAK BAUCAR-BAUCAR BAYARAN AM (SEMUA KOD PERBELANJAAN / PERKHIDMATAN / BEKALAN)

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN / DIRUJUK	RUJUKAN PERATURAN
1	Terima draf baucar dari kerani SISVOT	Akauntan /Ketua Akauntan	Arahan Perbendaharaan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 Senarai semak JBNS Pekeliling-pekeliling yang berkuatkuasa Peraturan pentadbiran yang diarahkan dari masa ke semasa.
2	Semak pengiraan/kadar/butir-butir dalam draf baucar/kod vot/nama dan nombor akaun bank dan pastikan semua dokumen sokongan telah disahkan benar.		
3	Semak dan pastikan butir-butir baucar telah tercatat dalam buku daftar selaras AP103 kemudian turunkan tandatangan ringkas jika teratur.		
4	Jika tiada teguran, serahkan kepada kerani SISVOT untuk cetakan baucar asal /buku daftar		
5	Sekiranya ada teguran, buat memo kepada bahagian pentadbiran untuk tindakan selanjutnya.		
6	Semak semula baucar yang telah ditegur beserta dengan jawapan dan penjelasan dari bahagian pentadbiran dan pastikan ianya adalah benar dan betul selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa.		
7	Turunkan tandatangan ringkas sekiranya semua teratur dan lengkap, sekiranya (tidak lengkap) kembalikan semula kepada kerani SISVOT untuk diperbetulkan.		
8	Serahkan deraf baucar untuk cetakan baucar asal.		
9	Terima salinan asal baucar untuk ditandatangani selaras AP95 daripada kerani Vot		
10	Semak butir-butir dalam salinan asal dengan deraf yang telah ditandatangani ringkas dalam ruangan yang disediakan.		
11	Turun tandatangan dan tarikh kemudian serahkan kepada kerani vot		

PROSES KERJA

TUGASAN : MENERIMA, MENYEMAK DAN MEMPROSES TUNTUTAN PELBAGAI & TUNTUTAN VOT AMANAH, KKTP

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN/DIRUJUK	RUJUKAN PERATURAN
1	Menerima dan menyemak dokumen tuntutan elaun Pelbagai dan tuntutan bayaran di bawah Vot Amanah daripada Pembantu Operasi /Pembantu Pengkeranian di kaunter Bahagian Akaun.	Penolong Kanan Akauntan/Akauntan/Ketua Akauntan	1.Peraturan-peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008,bilangan 2.Arahan Perbendaharaan 3.Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.6/2022 4. Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.3/2021 5.JPA(L)S.175/4/4-2 Klt.4(21) (Elaun bagi Pelajar Institut Pengajian Tinggi yang mrngikut Latiha Amal/Praktikal di Agensi Kerajaan)
2	Sekiranya dokumen tuntutan elaun pelbagai tidak jelas, tidak lengkap dan tidak teratur • Akan Menyediakan memo pertanyaan (kuiri).		
3	Sekiranya dokumen Tuntutan teratur, sediakan maklumat perihal baucar bagi dokumen tuntutan elaun pelbagai yang jelas, lengkap dan teratur di dalam S3P.		
4	Menyemak dan memastikan maklumat baucar dalam S3P adalah teratur sebelum baucar dijadual / dicetak dan memastikan cetakan baucar adalah kemas dan teratur serta mematuhi AP. 95 sebelum baucar ditandatangan ringkas.		
5	Mengasingkan baucar yang telah lengkap dan mematuhi AP. 99 dan AP. 102 untuk simpanan ibu pejabat dan untuk penghantaran ke Jabatan Bendahari Negeri Sabah sebelum diserah kepada pegawai penyemak mengikut Surat Pekeliling JBNS Bil. 2/2013.		
6	Sekiranya mendapat pertanyaan perbendaharaan (kuiri)pada baucar tersebut,perlulah Mengambil tindakan dengan menyediakan draf jawapan ke atas baucar bayaran yang mendapat pertanyaan perbendaharaan.		
7.	Menyediakan catatan maklumat perihal baucar jurnal pelarasan bagi vot amanah / amanah (subsidiari) / hasil dan vot perbekalan mengikut kod aktiviti / kod objek di bawah kawalan serta mengurus penyelesaian Akaun Pendahuluan Diri (AP. 54).	Penolong Kanan Akauntan/Akauntan/Ketua Akauntan	
8.	Menyedia laporan tunggakan tuntutan elaun lain-lain (AP. 100 (a) / AP. 58 (a) / ap. 54), tuntutan deposit, terimaan hasil dan laporan kedudukan AP. 54 dalam Mesyuarat Sukuan Bahagian Akaun.		

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)
Bahagian Akaun

PROSES KERJA

TUGASAN: MENYEDIAKAN BUKU TUNAI (JBN09), PENYATA PUNGUTAN HASIL JBN.08 (Pindaan1/2015) DENGAN RESIT YANG DIKELUARKAN SETIAP HARI.

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN/DIRUJUK	RUJUKAN PERATURAN
1	Menerima Cek atau Money Order.	Penolong Kanan Akauntan/Akauntan/Ketua Akauntan	Arahan Perbendaharaan
3	Sekiranya dokumen teratur, tulis resit dengan maklumat yang jelas, lengkap dan teratur.		
4	Resit yang ditulis perlulah ditandatangan oleh Penolong Akauntan Kanan.(atau Pegawai yang mendapat kebenaran menandatangani resit)		
5	Merekod pungutan ke dalam Buku Tunai.		
6	Amaun cek/money order dicatat dalam slip penyata bank dan dimasukkan ke bank. (Alliance Bank Berhad)		
7	Penyata Pemungut Hasil ditandatangan oleh kerani Pemungut Hasil dan Penolong Akauntan Kanan.		
8	Penyata Pemungut Hasil dikepilkan beserta bank slip dan dihantar ke Jabatan Bendahari Negeri.		
9	Setelah menerima resit am daripada Jabatan Bendahari Negeri,butiran resit JBN akan dimasukkan dan dikemaskini ke dalam Buku Tunai dan Fail Pungutan JBN08 di ruangan berkaitan.		
10	Simpan selamat resit dalam fail berkenaan.		

PROSES KERJA

TUGASAN: PENERIMAAN HASIL BAYARAN LESEN DAN PERMIT PEMAJU PERUMAHAN DAN DEPOSIT JAMINAN BANK.

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN/DIRUJUK	RUJUKAN PERATURAN
1	Menerima Cek atau Money Order daripada kerani Bahagian Pengawal Perumahan.	Penolong Kanan Akauntan/Akauntan/ Ketua Akauntan	Arahan Perbendaharaan
3	Semak amaun cek/money order dalam angka dan perkataan dengan betul.Sekiranya dokumen teratur,tandatangan Buku Rekod Bahagian Pengawal Perumahan .		
4	Bubuh cop kementerian di muka belakang cek/money order.		
5	Turunkan tandatangan di muka belakang cek/money order. Merekod pungutan ke dalam Buku Tunai.		
6	Amaun cek/money order/kes dicatat dalam slip penyata bank dan dimasukkan ke bank.(Alliance Bank Berhad)		
7	Setelah itu lengkapkan Borang Penyata Pemungut Hasil JBN 08 dengan mencatat butir-butir berikut. • Kod Hasil • Amaun cek / money order • Nombor cek / money order • Tarikh cek / money order • Subsidiari lejer, Nama Pemaju ,Taman		
8	Penyata Pemungut Hasil ditandatangan oleh kerani Pemungut Hasil dan Penolong Akauntan Kanan.		
9	Penyata Pemungut Hasil beserta bank slip akan dihantar ke Jabatan Bendahari Negeri.		
10	Setelah menerima resit am daripada Jabatan Bendahari Negeri,resit perlu disemak semula dan memastikan perkara dalam senarai rekod adalah jumlah yang sama dan betul; • Amaun • Subsidiari lejer • kod		
11	Resit Am daripada Jabatan Bendahari Negeri akan dikemaskini ke dalam Buku Tunai dan dikepilkan dalam Fail Pungutan JBN08 di ruangan berkaitan untuk rekod.		

PROSES KERJA

TUGASAN: PENYEDIAAN LEJER PENYESUAIAN BULANAN UNTUK VOT PERBEKALAN, PEMBANGUNAN DAN DEPOSIT

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN/DIRUJUK	RUJUKAN PERATURAN
1	Mencetak lejer Perbendaharaan dan buku vot.	Penolong Kanan Akauntan/Akauntan/ Ketua Akauntan	Arahan Perbendaharaan
2	Menyediakan , Membuat dan Melengkapkan borang JBN.19b & borang JBN.19d Penyesuaian Lejar Bulanan bagi vot amanah (K52-K79)/ vot perbekalan & VOT pembangunan mengikut kod aktiviti / objek di bawah kawalan tidak lewat daripada jadual yang ditetapkan oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah		
3	Tandatangan borang JBN.19b & borang JBN.19d di ruang tandatangan kerani penyesuaian kemudian diserahkan kepada Akauntan untuk semakan dan tandatangan.		
4	Membuat salinan pendua borang JBN.19b & borang JBN.19d untuk simpanan Ibu Pejabat setalah ditandatangan oleh Akauntan.		
5	Menyediakan slip penghantaran lejer Penyesuaian ke Jabatan Bendahari Negeri Sabah		
6	Menyimpan slip penghantaran sebagai bukti pengantaran dan disimpan dengan selamat.		

PROSES KERJA

TUGASAN : MEMBANTU MENYEDIAKAN INPUT SARAAN BAGI ANGGOTA LANTIKAN BARU BERTARAF SEMENTARA / KONTRAK / TETAP, KKTP

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN/ DIRUJUK	RUJUKAN PERATURAN
1	Membantu menerima fail dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh bahagian Pentadbiran.	Penolong Kanan Akauntan/Akauntan/ Ketua Akauntan	
2	Membantu menyemak dokumen jika jelas, lengkap dan teratur	PKA	
3	Jika tidak lengkap, membuat membuat memo pertanyaan ke atas dokumen tersebut dan tujukan kepada bahagian Pentadbiran	PKA/AK/KA	ARAHAN PERBANDARAN
4	Jika dokumen lengkap dan teratur, boleh mulakan pengiraan pengemaskinian pembayaran anggota	PKA	
5	Setelah selesai, semakan pengiraan pengemaskinian pembayaran akan debut oleh penyemak	PKA	

PROSES KERJA

TUGASAN: PEMBAYARAN BAUCAR UPAH PEKERJA SAMBILAN HARIAN

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN/ DIRUJUK	RUJUKAN PERATURAN
1	Membantu menerima laporan penyata upah harian dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh bahagian Pentadbiran	PKA	
2	Membantu menyemak dokumen jika lengkap dan teratur	PKA	
3	Jika tidak lengkap, minta dokumen tambahan yang diperlukan	PKA	
4	Jika lengkap, Pegawai PT(KEW)2 sediakan baucar pembayaran upah pekerja sambilan harian melalui sistem Sisvot	PKA	ARAHAN PERBANDARAN
5	Pegawai PT(KEW)2 memasukkan input pembayaran KWSP pekerja sambilan harian (PSH) ke sistem KWSP PT(KEW)2	PKA	
6	Setelah selesai, baucar akan ditandatangani oleh penjadual, penyemak dan pelulus.	PKA/AK/KA	

PROSES KERJA

TUGASAN: MEMBANTU MEMBUAT PENYESUAIAN LEJAR BULANAN

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN/DIRUJUK	RUJUKAN PERATURAN
1	Membantu mencetak Lejer Perbandaran	Akauntan	Arahan Perbendaharaan
2	Membantu membuat Penyesuaian Lejer menggunakan Penyata JBN.19b		
3	Membantu membuat Salinan pendua selepas ditandatangani Borang JBN.19b oleh Pegawai Akauntan.		
4	Membantu memasukkan dalam sampul untuk dihantar ke JBNS		

PROSES KERJA

TUGASAN: MEMBANTU, MENYEMAK DAN MEMPROSES TUNTUTAN PELBAGAI & TUNTUTAN VOT AMANAH, KKTP

BIL	PROSES KERJA	PEGAWAI YANG MELULUSKAN/ DIRUJUK	RUJUKAN PERATURAN
1	Menerima dan menyemak dokumen tuntutan elaun Pelbagai dan tuntutan bayaran di bawah Vot Amanah daripada Pembantu Operasi / Pembantu pengkeranian di kaunter Bahagian Akaun.	Penolong Kanan Akauntan/Akauntan/ Ketua Akauntan	Arahan Perbendaharaan
2	Sekiranya dokumen tuntutan elaun pelbagai tidak jelas, tidak lengkap dan tidak teratur • Membantu menyediakan memo pertanyaan (kuiri)		
3	Membantu mengasingkan baucar yang telah lengkap dan mematuhi AP. 99 dan AP. 102 untuk simpanan ibu pejabat dan untuk penghantaran ke Jabatan Bendahari Negeri Sabah sebelum diserah kepada pegawai penyemak mengikut Surat Pekeliling JBNS Bil. 2/2013		

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)
Bahagian Akaun

CARTA ALIRAN PENYEDIAAN BAUCAR BAYARAN



CARTA ALIRAN PERMOHONAN PERUNTUKAN TAMBAHAN (ASP) / PINDAHAN PERUNTUKAN (ARA) PBT



PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)
Bahagian Akaun

CARTA ALIRAN MENYEMAK ANGGARAN TAHUNAN (PBT)



CARTA ALIRAN PENYEDIAAN BAUCAR BAYARAN PROJEK KERAJAAN NEGERI KEPADA PBT





Sektor Pengurusan Organisasi dan Khidmat Sokongan

Bahagian Dasar dan Undang-undang

PENGENALAN

Forum alternatif untuk menyelesaikan pertikaian mengenai perumahan antara pembeli rumah dengan pemaju perumahan;

OBJEKTIF

Memberi perkhidmatan dan perundangan yang berkualiti dan akan sentiasa bertindak mengikut undang-undang dengan cekap, adil dan saksama.

FUNGSI UTAMA

- Membuat semakan dan pindaan Undang-Undang dibawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
- Mewakili Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan ke Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah mengenai penggubalan undang-undang yang berkaitan dengan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
- Memberi khidmat nasihat perundangan.
- Memberi kefahaman undang-undang kepada Ahli-ahli Majlis seluruh Sabah.
- Menyemak semua perjanjian yang dikemukakan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Jabatan/Agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Bahagian Dasar dan Undang-undang

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dikawal selia : 25 yang melibatkan dua Majl Perbandaran, satu Lembaga Bandaran dan dua puluh dua Majlis Daerah

Agensi yang dikawal selia :

1) Tribunal Tuntutan Pembeli Perumahan
2) Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Sabah
3) Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar
4) Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah

Jawatankuasa/Urusetia yang terlibat:

1) Jawatankuasa Tindakan Tatatertib Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
2) Jawatankuasa Pemurnian Etnik di bawah Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah
3) Urusetia Dewan Undangan Negeri di Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Undang-undang/peraturan yang digunakan :

1) Local Government Ordinance 1961
2) Town and Country Planning Ordinance Cap.141
3) Housing and Town Development Authority Enactment 1981
4) Public Health Ordinance 1960
5) Dogs Ordinance 1960
6) Public Entertainment Ordinance 1958
7) Public Entertainments Rules 2009
8) Housing Development (Control and Licensing) Enactment 1978
9) Housing Development (Control and Licensing) Rules 2008
10) Housing Developers (Project Account) Rules 1995
11) Native Courts Enactment 1992
12) Interpretation (Definition of Native) Ordinance Cap.64
13) Solid Waste and Public Cleansing Management Enactment 2022 (belum berkuat kuasa)
14) Financial Instructions Local Authorities ("FILAS) 1961
15) Uniform (Food Establishment) By-Laws 2022
16) Uniform (Licensing The Use of Premises For Trade, Business, Industry and Profession) By-Laws 2022
17) Uniform Building By-Laws 2022
18) Uniform (Anti-Litter) By-Laws 2010
19) Uniform (Beauty and Health Care Centre) By-Laws 2014
20) Uniform (Compounding Offences) By-Laws 2013
21) Uniform (Segregation and Disposal of Organic Waste) By-Laws 2016
22) Uniform (Tamu) By-Laws 2014
23) 335 undang-undang kecil (By-laws) semua 25 PBT
24) Instrument (Surat cara) semua 25 PBT
25) Standing Order semua 25 PBT

Bahagian Dasar dan Undang-undang

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan

1. Menyemak dan memperakukan semua deraf perjanjian/MOU yang dikemukakan ol KKTP.

2. Menyemak dan memperakukan semua deraf perjanjian/kontrak yang dikemukakan oleh PBT untuk kelulusan Menteri KKTP melalui Section 37 Local Government Ordinance 1961 untuk menandatangani perjanjian/kontrak. Sekiranya nilai keseluruha kontrak melebihi RM10 juta, perlu mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri terlebih dahulu sebelum membuat perjanjian/kontrak.

3. Membuat semakan dan pindaan kepada Ordinan/Enakmen/Peraturan/Garis Panduan/Undang-Undang Kecil PBT.

4. Mengadakan bengkel di premis kerajaan atau luar premis kerajaan untuk membincangkan cadangan pindaan kepada Ordinan/Enakmen/Peraturan/Garis Panduan/Undang-Undang Kecil PBT.

5. Menetapkan garis panduan (sekiranya perlu) yang berkaitan dengan Ordinan/Enakmen/Peraturan/Garis Panduan/Undang-Undang Kecil PBT.

6. Mengadakan mesyuarat bersama dengan agensi/PBT berkenaan mengenai apa-ap isu berkaitan undang-undang yang dipengerusikan oleh SUT/TSUT 1/TSUT 2.

7. Menyediakan minit mesyuarat kepada perkara 6 di atas.

8. Memberi pandangan/nasihat perundangan kepada Menteri KKTP, SUT, TSUT1, TSUT 2 dan mana-mana bahagian/unit di KKTP.

9. Menyemak dan memperakukan perjanjian Projek Perumahan Rakyat (PPR) di anta KKTP,PBT dan Property Management Firm yang dilantik mengikut standard perjanjia yang telah ditetapkan.

10. Berhubung dengan Pegawai Undang-Undang Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah KKTP berkaitan kes saman KKTP/PBT.

11. Menjadi penceramah untuk memberi kefahaman undang-undang kepada PBT.

12. Memberi kefahaman undang-undang kepada Ahli-ahli Majlis seluruh Sabah.

13. Menyediakan surat-surat berkaitan aduan di KKTP atau seperti yang diarah oleh SUT/TSUT 1/TSUT 2.

14. Menghadiri mesyuarat/perbincangan yang dijemput oleh mana-mana bahagian/unit KKTP.

15. Tugas-tugas lain yang diarah dari semasa ke semasa.

Pihak Berkuasa Tempatan

1. Memberi pandangan/nasihat perundangan kepada PBT.
2. Menghadiri Jemputan Mesyuarat Penuh Ahli Majlis PBT (sekiranya terdapat isu berkaitan undang-undang).
3. Menghadiri Jemputan Jawatankuasa Kecil Undang-Undang PBT untuk memberi kefahaman undang-undang.
4. Menyemak cadangan pindaan undang-undang kecil yang dikemukakan daripada PBT.

Tribunal Tuntutan Pembeli Perumahan

1. Menyediakan surat-surat berkaitan dengan aduan di Tribunal Tuntutan Pembeli Perumahan.
2. Berjumpa dengan pembeli rumah untuk memberi khidmat nasihat berkaitan isu-isu perumahan.
3. Menandatangani Borang 1 dan 2 bagi semua tuntutan LAD.
4. Penyediaan ringkasan kes LAD.
5. Menghadiri sesi mediasi atau perbicaraan kes antara pihak pemaju dan pembeli rumah di Tribunal Tuntutan Pembeli Perumahan.
6. Tugas-tugas lain yang diarah oleh Pengerusi Tribunal Tuntutan Pembeli Perumahan dari semasa ke semasa.

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)

Bahagian Dasar dan Undang-undang

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Sabah

1. Menyemak dan memperakukan semua deraf perjanjian/MOU yang dikemuka untuk kelulusan Menteri KKTP.
2. Menghadiri bengkel yang dianjurkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Sabah berkaitan pindaan/semakan Town and Country Planning Ordinance Cap.141 atau mana-mana garis panduan yang berkaitan.

Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar

1. Menyemak dan memperakukan *Letter of Consent for Creation of a Third Par Legal Charge* bagi tanah Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar selaras dengan Seksyen 31 dan 42 Housing and Town Development Authori Enactment 1981 untuk kelulusan Menteri KKTP.

Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah

1. Berhubung dengan Ketua Unit Anak Negeri Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah berkaitan apa-apa isu yang melibatkan perundangan Jabatan Hal Ehw Anak Negeri Sabah.



Bahagian Dasar dan Undang-undang



LAIN-LAIN HAL

Senarai perundangan/garis panduan yang telah dibuat pindaan dan digubal

1) Local Government Ordinance 1961 telah dibuat pindaan pada tahun 18 April 2022.

   Sections amended :
   2,3,6(1),13(1),38(1),41(4),46,49(1),52(1),52A(1),53,54,67(2),71,72,98(1)(a),102A (1).

2) Solid Waste and Public Cleansing Management Enactment 2022 telah diwartakan pada 21 April 2022. Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri KKTP melalui pemberitahuan dalam Warta.

3) Pindaan Housing Development (Control and Licensing) Enactment 1978 telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri Sabah pada 2023 dan akan berkuat kuasa pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri KKTP melalui pemberitahuan Warta.

4) Uniform Building By-Laws 2022
5) Uniform (Food Establishment) By-Laws 2022
6) Uniform (Licensing The Use of Premises For Trade, Business, Industry and Profession) By-Laws 2022

7) Garis Panduan Pengecualian Daripada Tatacara Tender oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Seksyen 37(2) Ordinan Kerajaan Tempatan 1961
8) Garis Panduan Permohonan Pengecualian daripada Tatacara Sebut Harga oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Financial Instructions Local Authorities 1961 ("FILAS").

Senarai perundangan yang perlu dibuat pindaan/digubal

1) Building Management Enactment (sila berhubung dengan KPSU(PS & P)
2) Local Government Ordinance 1961 dan Financial Instructions Local Authorities ("FILAS") (untuk menyelaraskan kedua-dua undang-undang tersebut berkenaan had nilai perolehan. Sila buat bengkel tertakluk kepada peruntukan KKTP)
3) Penyeragaman Standing Order semua PBT (sila berhubung dengan TSUT 2)

Bahagian Dasar dan Undang-undang

4) Uniform Hawkers By-Laws (sila buat bengkel tertakluk kepada peruntukan KKTP)

5) Uniform Market By-Laws (sila buat bengkel tertakluk kepada peruntukan KKTP)

6) Uniform Control of Animals By-Laws (sila buat bengkel tertakluk kepada peruntukan KKTP)

7) Housing Development (Control and Licensing) Rules 2008 (sila berhubung dengan KPSU(PS & P)

8) Mana-mana perundangan yang perlu ditambahbaik atau dikemaskini mengikut keadaan semasa memandangkan kebanyakan perundangan tersebut khususnya undang-undang kecil PBT adalah sudah lapuk dan tidak relevan lagi.



Sektor Pengurusan Organisasi dan Khidmat Sokongan

Bahagian Teknologi Maklumat (Pasukan Inovasi Digital)

PENGENALAN

Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan adalah terdiri daripada staf teknikal IT dari skim F (Sistem Maklumat) yang dikenali sebagai Kumpulan Sokongan IT (KSIT), staf teknikal IT merupakan perkhidmatan gunasama dari Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri(JPKN). Ketua Bahagian Teknologi Maklumat merupakan Chief Digital Officer(CDO) bagi Kementerian.

FUNGSI UTAMA

- Merancang dan melaksanakan pengkomputeran ICT.
- Merancang keperluan peruntukan ICT.
- Merancang dan mengurus kajian keperluan sistem aplikasi.
- Mengurus pelaksanaan pembangunan sistem aplikasi.
- Merancang penambahbaikan sistem aplikasi sedia ada.
- Mengurus dan melaksanakan penyelenggaraan peralatan ICT.
- Mengurus dan melaksanakan penyelenggaraan rangkaian.
- Mengurus dan melaksanakan pematuhan keselamatan ICT.
- Merancang dan melaksanakan kempen kesedaran keselamatan ICT.
- Melaksanakan pemantauan keselamatan ICT.
- Merancang dan melaksanakan pengurusan pemulihan.
- Memberikan perkhidmatan konsultasi multimedia.
- Menyediakan perkhidmatan multimedia
- Mengurus dan merancang keperluan latihan ICT.
- Mengurus dan melaksanakan latihan ICT.
- Melaksanakan kajian keberkesanan latihan.
- Mengurus inventori aset ICT dan yang berkaitan dengannya.
- Menyelaras pelaksanaan dan pematuhan pekeliling e-Waste.
- Mengurus perhubungan dengan pengguna mengenai operasi sistem dan yang berkaitan dengannya

VISI

Peneraju dan rujukan utama dalam mengawal selia transformasi Perkhidmatan Awam Negeri Sabah ke arah kerajaan digital menjelang 2025.

MISI

Memberikan Perkhidmatan ICT yang cemerlang serta mesra rakyat untuk kemakmuran Negeri Sabah.

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)

Bahagian Teknologi Maklumat (Pasukan Inovasi Digital)

Bil.	Prosedur Kerja	Tanggungjawab
1	**Terima Permohonan** Terima permohonan daripada pelanggan melalui QRCODE atau Link Borang Aduan / Permohonan Perkhidmatan ICT KKTP (https://forms.gle/pD5UAkLsERwfsmhAA)	Pemohon/Pengadu
	Daftar Permohonan • Pelanggan mengisi borang lengkap permohonan atau • aduan berkaitan ICT • Pelanggan Lantik petugas	Pemohon/Pengadu
	Laksanakan Tugas a. Laksanakan perkhidmatan meja bantuan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari masa bekerja. b. Sekiranya kerosakan melibatkan penggantian perkakasan: i. Dalam Jaminan : Hubungi pembekal untuk proses pembaikan ii. Tidak dalam jaminan: Laksanakan penggantian tertakluk kepada ketersediaan perkakasan.	PTML/ JTK
	Rekod Tindakan a. Maklumat kerja-kerja pembaikan dan perkhidmatan yang telah dliaksanakan akan di rekod secara automatik ke dalam Pangkalan Data (Excel) dan terus terpapar di dashbord Paparan Perkhidmatan ICT (https://lookerstudio.google.com/reporting/9d05361e-054c-4f40-b2d5-8528795d9a10)	PTML/ JTK



Sektor Pengurusan Organisasi dan Khidmat Sokongan

Bahagian Komunikasi dan Korporat

PENGENALAN

Bahagian Ini Berada Di Bawah Seliaan Setiausaha Tetap Kementerian, peranan utama unit komunikasi korporat adalah sebagai merancang, menyelaras, penyampaian dan penyaluran maklumat dan melaksanakan aktiviti Menteri selaku Timbalan Ketua Menteri II, Merangkap Menteri Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sabah Dan Setiausaha Tetap Kementerian.

VISI

Menjadi medium pengurusan komunikasi dan perhubungan kepada agensi di bawah Kementerian bagi menyalurkan maklumat dan perancangan yang tepat.

MISI

Menyediakan saluran komunikasi dua hala antara Kementerian, Agensi di bawah Kementerian dan Orang Awam.

FUNGSI UTAMA

- Penglibatan Penyediaan Kertas Kabinet Sebelum Di Kemukanan Ke Mesyurat Kabinet Negeri.
- Penyediaan Surat Permohonan Ulasan Dari Agensi Yang Berkaitan Dengan Kertas Kabinet
- Penyediaan Mesyuarat Membincangkan Projek Lembaga Pembangunan Perumahan & Bandar.
- Urusetia Dewan Undangan Negeri Sabah.
- Mesyuarat Bersama Ketua-Ketua Jabatan Yang Di Pengerusikan Oleh :
- Timbalan Ketua Menteri II,
- Merangkap Menteri Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sabah .
- Mesyuarat Pasca Kabinet Yang Di Pengerusiakan Oleh :
- Timbalan Ketua Menteri II,
- Merangkap Menteri Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sabah.
- Penyelaras Bagi Lawatan Kembara Ke Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Sabah 2024 Oleh Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri Ii Merangkap Menteri Kerajaan Tempatan Dan Perumahan.
- Menyelaras Perjalanan Datuk SUT.
- Menyelaras Dan Menguruskan Pelaksanaan Aktiviti Berhubung Menteri Dan Setiausaha Tetap Kementerian Seperti Yang Diarahkan.
- Menyelaras Dan Mengurus Pertanyaan Dan Maklum Balas Media Berkaitan Isu-Isu Semasa Kementrian.

CARTA ALIR

TUGASAN DIARAH OLEH DATO' SERI PANGLIMA



CARTA ALIR

TUGASAN DIARAH OLEH SETIAUSAHA TETAP (SUT)



SEKTOR DAN BAHAGIAN DI BAWAH KKTP

Sektor Perlesenan, Penilaian dan Kesihatan Persekitaran



03



Direktori

Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan,
Tingkat 5,
Wisma Innoprise,
Jalan Sulaman,Teluk Likas,
88817 Kota Kinabalu.

No Telefon : 088-328000
No. Faks : 088-383172

BAHAGIAN-BAHAGIAN:

- Bahagian Penilaian
- Bahagian Kesihatan Persekitaran
- Bahagian Hasil dan Perlesenan



Sektor Perlesenan, Penilaian dan Kesihatan Persekitaran

Bahagian Penilaian

PENGENALAN

Bahagian Penilaian Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah telah diwujudkan pada 15 November 1986 yang mana bahagian ini telah dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki dan mengemaskini segala aspek perkadaran mengikut peruntukan perundangan serta memastikan kecekapan jentera pemungutan dan pengurusan kadar Pihak Berkuasa Tempatan negeri Sabah.

FUNGSI UTAMA

Fungsi utama Bahagian Penilaian melibatkan aspek-aspek perkadaran keseluruhannya, iaitu cukai tempatan yang dikenakan ke atas pemilikan harta berkadar bagi membiayai kos-kos perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

VISI

Objektif Bahagian Penilaian ialah untuk mewujudkan satu sistem perkadaran yang dinamik, cekap dan berkesan sejajar dengan peruntukan perundangan yang terkandung dalam Bahagian X, Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Pindaan 2000).

MISI

Mewujudkan bhg penilaian di setiap pbt yang mahir dlm melaksanakan kerja2 penilaian

PROSEDUR OPERASI KERJA (SOP)
Bahagian Penilaian

BAHAGIAN PENILAIAN

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

SABAH

1.0 LATAR BELAKANG

Bahagian Penilaian Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah telah diwujudkan pada 15 November 1986 yang mana bahagian ini telah dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki dan mengemaskini segala aspek perkadaran mengikut peruntukan perundangan serta memastikan kecekapan jentera pemungutan dan pengurusan kadar Pihak Berkuasa Tempatan negeri Sabah.

2.0 OBJEKTIF

Objektif Bahagian Penilaian ialah untuk mewujudkan pengurusan perkadaran dan ses tanah yang dinamik, cekap dan berkesan sejajar dengan peruntukan perundangan yang terkandung dalam **Bahagian X dan Bahagian XI**, Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Pindaan 2000).

3.0 CARTA ORGINISASI



4.0 KAWASAN BIDANGKUASA PELAKSANAAN TUGAS PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN (AVO)

4.1 PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN I (AVOI)

1. MAJLIS PERBANDARAN TAWAU
2. MAJLIS DAERAH PAPAR
3. MAJLIS DAERAH BEAUFORT
4. MAJLIS DAERAH LAHAD DATU
5. MAJLIS DAERAH TENOM
6. MAJLIS DAERAH NABAWAN
7. MAJLIS DAERAH RANAU
8. MAJLIS DAERAH KUALA PENYU
9. MAJLIS DAERAH PITAS

4.2 PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN II (AVOII)

1. MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN
2. MAJLIS DAERAH KOTA MARUDU
3. MAJLIS DAERAH KOTA BELUD
4. MAJLIS DAERAH TAMBUNAN
5. MAJLIS DAERAH SEMPORNA
6. MAJLIS DAERAH KUNAK
7. MAJLIS DAERAH KENINGAU
8. MAJLIS DAERAH SIPITANG

4.3 PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN III (AVOIII)

1. LEMBAGA BANDARAN KUDAT
2. MAJLIS DAERAH PENAMPANG
3. MAJLIS DAERAH PUTATAN
4. MAJLIS DAERAH TUARAN
5. MAJLIS DAERAH BELURAN
6. MAJLIS DAERAH KINABATANGAN
7. MAJLIS DAERAH TONGOD
8. MAJLIS DAERAH TELUPID

5.0 FUNGSI UTAMA BAHAGIAN PENILAIAN

Fungsi utama Bahagian Penilaian adalah memastikan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melaksanakan pengurusan perkadaran dan ses tanah yang dikenakan ke atas pemilik harta di kawasan pentadbiran PBT.

Selain itu juga, Bahagian ini bertanggungjawab memproses aspek-aspek berkaitan pewujudan dan naik taraf PBT, Sabah.

6.0 AKTIVITI-AKTIVITI FUNGSI UTAMA BAHAGIAN PENILAIAN

Diantara aktiviti-aktiviti fungsi utama yang lazimnya dilaksanakan oleh Bahagian Penilaian adalah seperti berikut:

(a) Pewartaan Notis Senarai Penilaian *(Notice of Valuation List)*, Notis Perubahan kepada Senarai Penilaian *(Notice of Variation to Valuation List)* dan Perintah Kadar PBT;

(b) Pemprosesan Cadangan Penyenaraian Kawasan Operasi (Kawasan Kutipan Cukai baharu) PBT;

(c) Pemprosesan Cadangan Penilaian Semula Hartanah Berkadar dan Cadangan Pelantikan Jurunilai Swasta PBT;

(d) Penyemakan Cadangan Pengenaan Kadaran/**Perintah Kadar** dari PBT;

(e) Menghadiri dan menasihati PBT dalam sesi Tribunal Pendengaran Bantahan;

(f) Rayuan Pengecualian/Pengurangan Cukai Kadaran;

(g) Penyemakan Perkara-Perkara Yang Berkaitan Hasil Ses Tanah PBT; dan

(h) Pemprosesan cadangan pewujudan dan naik taraf PBT, Sabah.

7.0 AKTIVITI TAMBAHAN

Penyemakan sistem EIS-PBT untuk memastikan PBT mengemaskini data-data kutipan cukai kadaran dalam sistem tersebut untuk tujuan memantau prestasi kutipan cukai kadaran semasa dan tunggakan bagi PBT.

8.0 PROSES KERJA AKTIVITI UTAMA BAHAGIAN PENILAIAN

Secara umum, Pegawai Penilaian (VO) menjalankan tugas-tugas dengan dibantu oleh tiga (3) Penolong Pegawai Penilaian (AVO) iaitu AVO I, AVO II dan AVO III. Fail-fail yang diterima oleh VO akan diagihkan kepada AVO mengikut kawasan bidang kuasa AVO masing-masing.

Berikut merupakan proses kerja aktiviti-aktiviti utama Bahagian Penilaian:

(a) Pewartaan Notis Senarai Penilaian, Notis Perubahan kepada Senarai Penilaian dan Perintah Kadar.

Jawatan	Proses
AVO	**Pewartaan Notis Senarai Penilaian dan Notis Perubahan Kepada Senarai Penilaian** Terima fail Notis Senarai Penilaian dan Notis Perubahan kepada Senarai Penilaian PBT daripada VO. Pastikan perkara-perkara berikut dipenuhi oleh PBT: (1) Notis Senarai Penilaian dibuat dengan teratur. (2) Tempoh masa sebelum tarikh pendengaran bantahan yang ditetapkan adalah mencukupi. (3) Notis Senarai Penilaian dibuat dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (4) Membuat pembetulan sekiranya ada pembetulan yang perlu dibuat. (5) Mengisi borang pewartaan **'main gazzete'** untuk dihantar ke Jabatan Cetak Kerajaan untuk diwartakan.

(b) Pemprosesan Cadangan Penyenaraian Kawasan Operasi (Kawasan Kutipan Cukai baharu) PBT

Jawatan	Tindakan
AVO	**Terima Permohonan Dari PBT** Terima permohonan penyenaraian "Kawasan Kutipan Cukai" baru dari PBT
AVO	**Pastikan Dokumen Berkaitan Lengkap** 1. Keratan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Mesyuarat Penuh 2. Kertas Kerja Cadangan Kawasan Kutipan Cukai Baru PBT yang antara lainnya menyenaraikan Kawasan Kutipan Cukai Baru yang dicadangkan, Kadar yang dicadangkan, Pelan Lokasi Kawasan Kutipan Cukai, Jenis-jenis hartanah, Anggaran Kutipan Hasil yang diperolehi, jenis perkhidmatan yang diberi, kos-kos yang terlibat dan sebagainya.
VO/AVO	**Minit Kepada Datuk Menteri** Minit kepada Datuk Menteri melalui SUT untuk memperolehi kelulusan Menteri ke atas cadangan tersebut.
VO/AVO	**Kemukakan Kelulusan kepada PBT** Sekiranya dipersetujui dan diluluskan oleh Datuk Menteri, kemukakan kelulusan yang menyenaraikan Kawasan Kutipan Cukai baharu kepada PBT seterusnya pelantikan Jurunilai Swasta oleh PBT untuk pelaksanaan kerja-kerja penilaian.
VO/AVO	**Sekiranya Tidak Diluluskan** Sekiranya tidak diluluskan, kemukakan keputusan dan apa-apa arahan Datuk Menteri kepada PBT.

(c) Pemprosesan cadangan penilaian semula hartanah berkadar dan cadangan pelantikan Jurunilai Swasta PBT.

Jawatan	Proses
AVO	Terima cadangan penilaian semula hartanah berkadar dan cadangan pelantikan Jurunilai Swasta PBT dari VO. Pastikan keratan minit Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Mesyuarat Penuh dikemukakan oleh PBT. **NOTA:** PBT hendaklah meminta firma-firma penilaian swasta untuk mengemukakan 'proposal' mereka. Keputusan pemilihan hendaklah disampaikan kepada Kementerian berserta dengan keratan minit Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Mesyuarat Penuh untuk kelulusan.
VO	Memeriksa perkara-perkara yang dikehendaki telah dilaksanakan oleh AVO. Memberi khidmat nasihat kepada PBT, umpamanya pemilihan firma swasta dan sebagainya. Memberikan pendapat serta arahan (jika perlu) tentang keperluan kerja-kerja penilaian semula dan juga pemilihan firma. Kemukakan keputusan PBT melalui minit kepada YB. Menteri melalui SUT untuk kelulusan. Sekiranya firma penilaian swasta telah dipilih, kemukakan Seksyen 37, OKT 1961 untuk tandatangan YB. Menteri.
YB. Menteri	Memberikan kelulusan serta menandatangani Borang Seksyen 37, OKT 1961.

(b) Pemprosesan Cadangan Penyenaraian Kawasan Operasi (Kawasan Kutipan Cukai baharu) PBT

Jawatan	Tindakan
AVO	**Terima Permohonan Dari PBT** Terima permohonan penyenaraian "Kawasan Kutipan Cukai" baru dari PBT
AVO	**Pastikan Dokumen Berkaitan Lengkap** 1. Keratan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Mesyuarat Penuh 2. Kertas Kerja Cadangan Kawasan Kutipan Cukai Baru PBT yang antara lainnya menyenaraikan Kawasan Kutipan Cukai Baru yang dicadangkan, Kadar yang dicadangkan, Pelan Lokasi Kawasan Kutipan Cukai, Jenis-jenis hartanah, Anggaran Kutipan Hasil yang diperolehi, jenis perkhidmatan yang diberi, kos-kos yang terlibat dan sebagainya.
